



JABATAN AUDIT NEGARA

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI DAN  
PRESTASI KEWANGAN  
AGENSI NEGERI

**KELANTAN**  
**TAHUN 2018**





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI**

**NEGERI KELANTAN  
TAHUN 2018**

**Jabatan Audit Negara Malaysia**



# KANDUNGAN



---

# KANDUNGAN

---

<b>PENDAHULUAN</b>	vii
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	xi
<b>BAHAGIAN I</b>	
<b>PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018</b>	
Pendahuluan	1 - 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 - 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	1 - 5
<b>BAHAGIAN II</b>	
<b>ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Latar Belakang	2 - 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 - 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 - 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 - 4
Wang Awam	2 - 6
Akaun Hasil Disatukan	2 - 7
Akaun Pinjaman Disatukan	2 - 17
Akaun Amanah Disatukan	2 - 18
Penyata Akaun Memorandum	2 - 32
Rumusan Audit	2 - 39
Syor Audit	2 - 40

### **BAHAGIAN III**

#### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

Pendahuluan	3 - 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 - 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 - 4
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 - 5
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 - 5
Pembentangan Penyata Kewangan	3 - 8
Analisis Prestasi Kewangan	3 - 9
Bidang Utama Audit ( <i>Key Audit Areas</i> )	3 - 23
Rumusan Audit	3 - 26
Syor Audit	3 - 27

### **BAHAGIAN IV**

#### **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agenzi serta Pengurusan Syarikat Kerajaan	4 - 3
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	4 - 3

<b>PENUTUP</b>	5 - 3
----------------	-------

### **LAMPIRAN**

Lampiran I	-	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	6 - 3
Lampiran II	-	Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	6 - 7
Lampiran III	-	Penyata Kedudukan Kewangan	6 - 8
Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	6 - 9
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	6 - 11
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	6 - 12
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	6 - 13

<b>AKRONIM</b>	7 - 3
----------------	-------

# PENDAHULUAN



---

## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan pula akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kelantan Tahun 2018 ini mengandungi perkara seperti berikut:
  - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
  - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
  - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri; dan
  - iv. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2018 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan negeri sepanjang tahun 2018. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2018, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

21 Oktober 2019



# RINGKASAN EKSEKUTIF

---



---

## RINGKASAN EKSEKUTIF

---

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berasaskan asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan tahun 2018 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun persekutuan dan negeri.
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri.
- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang kerajaan negeri.
- Analisis yang dibuat adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan Kerajaan.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

## **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kelantan secara menyeluruh pada akhir tahun 2018, di samping membantu kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

## **Apa yang ditemui Audit?**

### **BAHAGIAN I** **Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan** **Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

### **BAHAGIAN II** **Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan kerajaan negeri adalah stabil. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM72.19 juta iaitu meningkat sejumlah RM9.47 juta berbanding RM62.72 juta pada akhir tahun 2017.

- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM40.46 juta. Kutipan hasil meningkat sejumlah RM5.61 juta atau 1% menjadi RM586.94 juta berbanding RM581.33 juta pada tahun 2017.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan kerajaan negeri di bawah RMKe-11 pada tahun 2018 adalah baik iaitu sejumlah RM158.37 juta atau 50.7% telah dibelanjakan berbanding RM312.14 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 1,017 jumlah projek yang dirancang, 978 projek atau 96.2% telah disiapkan sepenuhnya, 17 projek atau 1.7% sedang dilaksanakan dan 22 projek atau 2.1% masih belum dimulakan.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM23.63 juta atau 2.2% daripada RM1.051 bilion pada tahun 2017 kepada RM1.075 bilion pada tahun 2018. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM49.10 juta atau 15.3% daripada RM321.56 juta pada tahun 2017 kepada RM370.66 juta pada tahun 2018.
- Jumlah hutang awam meningkat sejumlah RM13.87 juta atau 1% menjadi RM1.435 bilion berbanding RM1.421 bilion pada tahun 2017. Tunggakan bayaran balik hutang awam oleh kerajaan negeri meningkat sejumlah RM52.04 juta atau 11.9% menjadi RM490.82 juta berbanding RM438.78 juta pada tahun 2017.

### **BAHAGIAN III Penyerahan,Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

- Kesemua 22 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit.
- Dua puluh satu daripada 22 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diaudit dan diberi Pendapat Tanpa Teguran kecuali Perbadanan Menteri Besar Kelantan diberi Pendapat Berteguran.
- Berdasarkan sembilan (9) penyata kewangan BBN dan penyata kewangan MAI, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 adalah memuaskan berbanding tahun 2017.

- Pada akhir tahun 2018, lebihan pendapatan terkumpul BBN dan MAI meningkat sejumlah RM24.35 juta atau 2.7%, jumlah aset meningkat sejumlah RM128.42 juta atau 6.4%, aset semasa bersih menurun sejumlah RM25.31 juta atau 15.1% dan lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa menurun sejumlah RM18.36 juta atau 45.3% berbanding tahun 2017.
  - Pada 31 Disember 2018, 14 daripada 34 anak syarikat di bawah lima (5) BBN dan MAI telah mendapat lebihan terkumpul secara keseluruhannya berjumlah RM95.38 juta. Sebanyak 20 anak syarikat menunjukkan defisit terkumpul keseluruhannya berjumlah RM77.10 juta.
- Berdasarkan 12 penyata kewangan PBT, kedudukan kewangan bagi tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti berikut:
    - Sembilan (9) PBT mencatatkan lebihan berjumlah RM40.71 juta pada tahun 2018. Tiga (3) PBT yang lain pula mencatatkan defisit berjumlah RM3.62 juta. Tunggakan cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM3.19 juta atau 7.2% daripada RM44.43 juta pada tahun 2017 menjadi RM47.62 juta pada tahun 2018.

# BAHAGIAN I

---

**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018



## **BAHAGIAN I**

### **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

#### **FAKTA UTAMA PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**

<b>01.01.2018 - 31.12.2018</b>	<b>31 Julai 2019</b> tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	<b>15 Januari 2019</b> tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
<b>Komponen Penyata Kewangan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyata Kedudukan Kewangan</li><li>• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai</li><li>• Penyata Prestasi Kewangan</li><li>• Penyata Akaun Memorandum</li><li>• Nota Kepada Penyata Kewangan</li></ul>	
<b>Jenis Pendapat Audit</b>	Pendapat Tanpa Teguran	

#### **1. PENDAHULUAN**

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit, 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 kepada Jabatan Audit Negara pada **15 Januari 2019**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2018 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah pegangan Wang Awam Kerajaan terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh kerajaan negeri, hanya Pelaburan Am yang terdiri daripada saham yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain pula dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal serta bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti kerajaan negeri. Aset kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti kerajaan negeri pula terdiri daripada hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan. Nota ini juga mengandungi maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

## **2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan telah dilaksana berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen (pengauditan interim) dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2018 sehingga bulan April tahun 2019. Pemerhatian Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Kelantan dan Jabatan/Agensi Negeri sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan.

2.3. *Exit Conference* bersama YB Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Jabatan telah diadakan pada 2 Mei 2019.

### **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

3.1. Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan bagi tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



# BAHAGIAN II

---

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN  
NEGERI



## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

#### FAKTA UTAMA PRESTASI KEWANGAN NEGERI

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN	PINJAMAN BOLEH DITUNTUT ↑
2018 – RM586.94 juta	2018 – (RM676.31 juta)	2018 – RM1.075 bilion
2017 – RM581.33 juta	2017 – (RM716.77 juta)	2017 – RM1.051 bilion
↑ BELANJA	↓ AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↑ PELABURAN
2018 – RM704.86 juta	2018 – RM5 juta	2018 – RM7.17 juta
2017 – RM689.44 juta	2017 – RM24.51 juta	2017 – RM7.16 juta
	↓ AKAUN AMANAH DISATUKAN	HUTANG AWAM ↑
	2018 – RM743.50 juta	2018 – RM1.435 bilion
	2017 – RM754.98 juta	2017 – RM1.421 bilion

#### 1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan penyata kewangan kerajaan negeri tahun 2018, juga membuat analisis terhadap maklumat kewangan bagi menentukan tahap prestasi kewangan kerajaan negeri. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

#### 2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Jumlah hasil tahun 2018  
**RM586.94 juta**

Jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan tahun 2018  
**RM704.86 juta**

Defisit  
**RM117.92 juta**

#### 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Pada tahun 2018, sumber dana kerajaan negeri berjumlah RM586.94 juta terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Penggunaan dana adalah bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM704.86 juta. Sehubungan itu, kerajaan negeri mengalami defisit berjumlah RM117.92 juta. Defisit ini dibiayai pelbagai terimaan dan perubahan tunai, pelaburan dan amanah. Butiran Penyata Prestasi Kewangan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
<b>HASIL:</b>				
Hasil Cukai	123.91	96.89	27.02	27.9
Hasil Bukan Cukai	348.65	329.71	18.94	5.7
Teriman Bukan Hasil	114.38	154.73	-40.35	-26.1
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>586.94</b>	<b>581.33</b>	<b>5.61</b>	<b>1</b>
<b>PERBELANJAAN:</b>				
Perbelanjaan Mengurus (Selepas Pindahan)	546.49	542.51	3.98	0.7
Perbelanjaan Pembangunan	158.37	146.93	11.44	7.8
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>704.86</b>	<b>689.44</b>	<b>15.42</b>	<b>2.2</b>
<b>LEBIHAN/DEFISIT</b>	<b>-117.92</b>	<b>-108.11</b>	<b>-9.81</b>	<b>-9.1</b>
<b>DEFISIT DIBIAYAI OLEH :</b>				
Pinjaman	-2.79	-10.22	7.43	72.7
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	50.81	43.60	7.21	16.5
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	69.90	74.73	-4.83	-6.5
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>	<b>117.92</b>	<b>108.11</b>	<b>9.81</b>	<b>9.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

#### 4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM72.19 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM68.21 juta dan pelaburan sejumlah RM3.98 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Kelantan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

Baki Kumpulan Wang Disatukan tahun 2018  
**RM72.19 juta**

Baki Kumpulan Wang Disatukan tahun 2017  
**RM62.72 juta**

Peningkatan  
**RM9.47 juta (15.1%)**

**JADUAL 2**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-676.31	-716.77	40.46	5.6
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	5	24.51	-19.51	-79.6
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada :	743.50	754.98	-11.48	-1.5
	• Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	984.64	930.24	54.40	5.8
	• Kumpulan Wang Pembangunan	-789.88	-699.04	-90.84	13
	• Kumpulan Wang Amanah Awam	108.98	92.06	16.92	18.4
	• Akaun Deposit	439.76	431.72	8.04	1.9
	<b>JUMLAH</b>	<b>72.19</b>	<b>62.72</b>	<b>9.47</b>	<b>15.1</b>

Sumber :Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017


4.2. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan kerajaan negeri telah meningkat sejumlah RM9.47 juta atau 15.1% iaitu daripada RM62.72 juta pada tahun 2017 menjadi RM72.19 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM40.46 juta pada tahun semasa. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**. Kedudukan baki bagi tahun 2014 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.

**JADUAL 3**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

BIL.	BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	-636.37	-722.12	-755.59	-716.77	-676.31
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	36.16	39.67	38.51	24.51	5
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	674.76	741.86	741.35	754.98	743.50
	• Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	668.06	734.86	814.86	930.24	984.64
	• Kumpulan Wang Pembangunan	-433.92	-496.93	-599.48	-699.04	-789.88
	• Kumpulan Wang Amanah Awam	70.56	81.41	88.05	92.06	108.98
	• Akaun Deposit	370.05	422.52	437.92	431.72	439.76
<b>JUMLAH</b>		<b>74.55</b>	<b>59.41</b>	<b>24.27</b>	<b>62.72</b>	<b>72.19</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

**CARTA 1**  
**TREND KEDUDUKAN KUMPULAN WANG  
DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 Hingga 2018

## 5. WANG AWAM

### 5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Wang Awam. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang di institusi kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar.

Baki Wang Tunai tahun 2018

**RM68.21 juta**

Baki Wang Tunai tahun 2017

**RM58.75 juta**

Peningkatan

**RM9.46 juta (16.1%)**

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2018 dan 2017 menunjukkan peningkatan berjumlah RM9.46 juta atau 16.1% menjadi RM68.21 juta berbanding RM58.75 juta pada tahun 2017. Pada tahun 2018, Wang Tunai Dalam Bank meningkat sejumlah RM9.38 juta atau 16% menjadi RM67.94 juta berbanding RM58.56 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan pelaburan khas sejumlah RM12 juta dan lebihan terimaan premium tanah oleh Kerajaan Persekutuan sejumlah RM44.27 juta yang diterima pada 27 Disember 2018. Kedudukan baki Wang Tunai pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4  
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	67.94	58.56	9.38	16
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.19	0.11	0.08	72.7
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.08	0.08	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>68.21</b>	<b>58.75</b>	<b>9.46</b>	<b>16.1</b>

Sumber : Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

5.1.3. Wang tunai dalam bank berjumlah RM67.94 juta adalah tidak termasuk 49 *Electronic Funds Transfer* (EFT) telah batal berjumlah RM68,392 antara dua (2) hingga 13 bulan yang belum dibuat pelarasan ke Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23 EFT berjumlah RM48,618 telah luput

melebihi enam (6) bulan. Semua EFT ini telah dibuat pelarasan ke akaun penyelesaian pembatalan EFT pada bulan April 2019.

## 5.2. Pelaburan

5.2.1. Mengikut Seksyen 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957, kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pada tahun 2018, pelaburan kerajaan negeri terdiri daripada pegangan saham yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

5.2.2. Baki pelaburan pada tahun 2018 tidak berubah berbanding tahun 2017 iaitu berjumlah RM3.98 juta.

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urus niaga kutipan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan negeri. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2018 dengan lebihan semasa berjumlah RM40.46 juta berbanding lebihan RM38.82 juta yang diperolehi pada tahun 2017. Lebihan ini berpunca daripada peningkatan kutipan hasil berjumlah RM586.94 juta berbanding perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM546.49 juta. Oleh itu, baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan telah menurun daripada RM716.77 juta kepada RM676.31 juta pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5  
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Baki Pada 1 Januari	-716.77	-755.59	38.82	5.1
2.	Hasil	586.94	581.33	5.61	0.9
3.	Perbelanjaan Mengurus	546.49	542.51	3.98	0.7
<b>Lebihan/Defisit Hasil</b>		<b>*40.46</b>	<b>38.82</b>	<b>1.65</b>	<b>4.2</b>
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>-676.31</b>	<b>-716.77</b>	<b>40.46</b>	<b>5.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

Nota: (\*) - Jumlah lebihan hasil adalah perbezaan keseluruhan yang telah dibundarkan.

6.3. Analisis perbandingan bagi tahun 2014 hingga 2018 mendapati baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan menunjukkan trend menurun mulai tahun 2017. Baki defisit terkumpul Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM636.37 juta pada tahun 2014 merupakan baki tertinggi bagi tempoh lima (5) tahun. Trend Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 2**.

Jumlah hasil tahun 2018  
**RM586.94 juta**

Jumlah perbelanjaan mengurus tahun 2018  
**RM546.49 juta**

Lebihan  
**RM40.46 juta (5.6%)**


**JADUAL 6**  
**TREND AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

BUTIRAN	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-585.90	-636.37	-722.12	-755.59	-716.77
Hasil	402	387.22	497.20	581.33	586.94
Perbelanjaan Mengurus	452.46	472.97	530.68	542.51	546.49
Lebihan/ Defisit	<b>-50.46</b>	<b>-85.75</b>	<b>-33.47</b>	<b>38.82</b>	<b>*40.46</b>
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>-636.37</b>	<b>-722.12</b>	<b>-755.59</b>	<b>-716.77</b>	<b>-676.31</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

Nota: (\*) - Jumlah lebihan/defisit hasil adalah perbezaan keseluruhan yang telah dibundarkan.

**CARTA 2**  
**TREND AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

## 6.4. Hasil

6.4.1. Hasil kerajaan negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai ialah hasil yang dikutip berdasarkan perundangan yang diluluskan oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN). Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah meluluskan anggaran hasil berjumlah RM696.90 juta manakala kutipan hasil sebenar berjumlah RM586.94 juta iaitu RM109.96 juta atau 15.8% kurang berbanding anggaran yang diluluskan. Pencapaian kutipan hasil adalah kurang berbanding anggaran yang diluluskan iaitu bagi Hasil Cukai berjumlah RM58.97 juta atau 32.2%, Hasil Bukan Cukai berjumlah RM6.93 juta atau 2% dan Terimaan Bukan Hasil RM44.06 juta atau 27.8%. Kutipan hasil sebenar berbanding anggaran pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN PADA TAHUN 2018**

BIL.	KATEGORI	ANGGARAN DILULUSKAN	HASIL SEBENAR	LEBIHAN/KURANGAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	182.88	123.91	-58.97	-32.2
2.	Hasil Bukan Cukai	355.58	348.65	-6.93	-2
3.	Terimaan Bukan Hasil	158.44	114.38	-44.06	-27.8
<b>JUMLAH</b>		<b>696.90</b>	<b>586.94</b>	<b>-109.96</b>	<b>-15.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

6.4.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh kerajaan negeri pada tahun 2018 adalah berjumlah RM586.94 juta iaitu meningkat sejumlah RM5.61 juta atau 1% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM581.33 juta. Punca peningkatan hasil adalah disebabkan oleh peningkatan kutipan Cukai Tanah (Hasil Cukai), Premium Perhutanan dan Permit dan Lesen Perhutanan (Hasil Bukan Cukai) serta Lebihan Dari Akaun Amanah yang Lain (Terimaan Bukan Hasil). Kutipan hasil sebenar pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	KATEGORI	2018	2017	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	123.91	96.89	27.02	27.9
2.	Hasil Bukan Cukai	348.65	329.71	18.94	5.7
3.	Terimaan Bukan Hasil	114.38	154.73	-40.35	-26.1
<b>JUMLAH</b>		<b>586.94</b>	<b>581.33</b>	<b>5.61</b>	<b>1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.3. Terimaan Bukan Hasil yang dilaporkan berjumlah RM114.38 juta adalah tidak termasuk RM3 juta hasil yang terkurang nyata. Hasil tersebut terkurang nyata

disebabkan oleh kesilapan pelarasan pindahan hasil yang dipungut oleh Jabatan Perhutanan Negeri ke Akaun Amanah Lebuh Raya Rakyat. Pelarasan pindahan hasil ini adalah bagi tujuan sumbangan kerajaan negeri kepada Akaun Amanah tersebut. Bagaimanapun, jumlah kesilapan ini tidak menjelaskan penyata kewangan secara keseluruhan. Pelarasan semula bagi memperbetulkan kesilapan ini telah dibuat pada bulan April 2019.

6.4.4. Hasil Cukai pada tahun 2018 berjumlah RM123.91 juta adalah termasuk royalti emas berjumlah RM13.25 juta. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bilangan 1/2017 yang bersidang pada 4 Januari 2017 telah memutuskan kertas cadangan pelaksanaan kaedah kutipan royalti emas Negeri Kelantan. Selaras dengan Peraturan-peraturan Mineral (Pindaan) 2014 di dalam Jadual Pertama telah menetapkan kadar royalti emas adalah sebanyak 10% iaitu 8% secara tunai dan 2% dalam bentuk jongkong emas tulen. Pejabat Tanah dan Galian telah merekodkan penerimaan pembayaran royalti sejumlah RM13.25 juta secara tunai. Bagaimanapun, sejumlah RM0.90 juta yang telah diterima dalam bentuk jongkong emas tulen tidak dilaporkan dalam Penyata Kewangan Negeri.


6.4.5. Prestasi kutipan hasil kerajaan negeri bagi tahun 2014 hingga 2018 menunjukkan peningkatan pada setiap tahun kecuali pada tahun 2015. Tahun 2018 mencatatkan kutipan hasil tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun adalah seperti dalam **Jadual 9** dan **Carta 3**.

**JADUAL 9**  
**PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

BIL.	BUTIRAN HASIL	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	82.63	85.39	107.16	96.89	123.91
2.	Hasil Bukan Cukai	141.64	141.41	218.17	329.71	348.65
3.	Terimaan Bukan Hasil	177.73	160.42	171.88	154.73	114.38
<b>JUMLAH</b>		<b>402.00</b>	<b>387.22</b>	<b>497.20</b>	<b>581.33</b>	<b>586.94</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

**CARTA 3**  
**PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

6.4.6. Hasil kerajaan negeri merupakan sumber utama yang digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus. Penyumbang utama hasil kerajaan negeri adalah terimaan Premium Tanah, Royalti Kayu Kayan, Cukai Tanah, Pemberian Mengikut Ramai Penduduk dan Premium Perhutanan. Butiran hasil ini telah menyumbang sejumlah RM344.90 juta atau 58.8% daripada jumlah hasil tahun 2018 yang berjumlah RM586.94 juta. Butiran terperinci lima (5) penyumbang utama hasil kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN**  
**NEGERI PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	PUNCA HASIL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Premium Tanah	190.91	195.09	-4.18	-2.1
2.	Royalti Kayu Kayan	29.65	19.97	9.68	48.5
3.	Cukai Tanah	53.42	36.64	16.78	45.8
4.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	25.69	25.37	0.32	1.3
5.	Premium Perhutanan	45.23	27.65	17.58	63.6
<b>JUMLAH</b>		<b>344.90</b>	<b>304.72</b>	<b>40.18</b>	<b>13.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.7. Analisis Audit mendapati 81 butiran hasil menunjukkan peningkatan pada tahun 2018. Pelbagai Perolehan Jualan yang Lain menunjukkan peningkatan tertinggi iaitu RM4.43 juta pada tahun 2018 berbanding RM0.19 juta pada tahun 2017. Lima (5) butiran hasil yang mencatat peningkatan ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG**  
**KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL		PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
		2018	2017	(RM Juta)	(%)	
		(RM Juta)	(RM Juta)			
<b>HASIL CUKAI</b>						
1.	Royalti Emas	13.25	7.66	5.59	72.9	Peningkatan aktiviti melombong oleh syarikat perlombongan. Satu syarikat telah menjalankan aktiviti perlombongan secara berskala besar.
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
2.	Premium Perhutanan	45.23	27.65	17.58	63.6	Penguatkuasaan telah dibuat setelah notis bayaran dikeluarkan kepada syarikat yang diberi kelulusan.
3.	Permit dan Lesen Perhutanan	9.42	1.93	7.49	388.1	Peningkatan pengeluaran lesen pembalak.
4.	Pelbagai Perolehan Jualan yang Lain	4.43	0.19	4.23	2,226.3	Hasil jualan kayu getah di tanah milik Kerajaan berjumlah RM4.30 juta.
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
5.	Lebihan dari Akaun Amanah yang Lain	19.25	2.99	16.26	543.8	Pindahan deposit yang tidak dituntut selepas diwartakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan berjumlah RM16.02 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.4.8. Analisis Audit mendapati butiran hasil Pemberian Kekurangan menunjukkan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2018 iaitu sejumlah RM54.67 juta atau 100%. Lima (5) butiran hasil yang mengalami penurunan ketara pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG**  
**KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL		PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
		2018	2017	(RM Juta)	(%)	
		(RM Juta)	(RM Juta)			
<b>HASIL CUKAI</b>						
1.	Tribute Konsesi Hutan	0	4.24	-4.24	-100	Tiada sebarang bayaran diterima kerana Jabatan Perhutanan Negeri dalam proses mengemas kini rekod tunggakan hasil Tribute Konsesi Hutan.
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>						
2.	Balasan Pindah Milik	6.81	19.21	-12.4	-64.5	Urusniaga permohonan urusan pendaftaran pindah milik yang melibatkan penerima bukan anak Kelantan berkang dalam tahun 2018.
3.	Bayaran Jabatan Hutan	8.35	14.93	-6.58	-44.1	Jabatan Perhutanan Negeri telah membuat pengemaskinian semula item hasil ke kod yang sepatutnya iaitu kod 76104 (Gantirug dan Pampasan Jabatan Hutan).
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>						
4.	Pemberian Kekurangan	0	54.67	-54.67	-100	Pemberian Kekurangan tidak diterima daripada Kerajaan Persekutuan dalam tahun

BIL.	BUTIRAN HASIL	PUNGUTAN HASIL		PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
		2018	2017	(RM Juta)	(%)	
		(RM Juta)	(RM Juta)			
						2018 kerana pada tahun 2017 kerajaan negeri mempunyai lebihan sebanyak RM38.80 juta.
5.	Bayaran Balik Pinjaman Oleh Badan Berkanun dan Penguasa Tempatan	1.51	13.13	-11.62	-88.5	Tiada bayaran dibuat dalam tahun 2018 oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Perbadanan Menteri Besar dan Perbadanan Bandar Baru Tunjung.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

## 6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu perbelanjaan tanggungan dan perbelanjaan perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, perbelanjaan tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan bayaran balik hutang awam. Perbelanjaan perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi perbelanjaan mengurus tahun 2018 adalah berjumlah RM757.77 juta berbanding sejumlah RM696.33 juta yang diluluskan pada tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM61.44 juta atau 8.8%. Kedudukan peruntukan mengurus yang diluluskan pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 mengikut butiran perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**PERUNTUKAN MENGURUS YANG**  
**DILULUSKAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING TAHUN 2017**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN 2018 (RM Juta)	PERUNTUKAN 2017 (RM Juta)	PERBEZAAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	191.83	198.02	-6.19	-3.1
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	129.78	122.72	7.06	5.8
3.	Aset	16.65	14.84	1.81	12.2
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	417.91	358.57	59.34	16.5
5.	Perbelanjaan Lain	1.60	2.18	-0.58	-26.6
<b>JUMLAH</b>		<b>757.77</b>	<b>696.33</b>	<b>61.44</b>	<b>8.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.5.2. Analisis Audit mendapati peruntukan mengurus yang mencatatkan peningkatan pada tahun 2018 adalah Perkhidmatan dan Bekalan sejumlah RM7.06 juta atau 5.8%, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sejumlah RM59.34 juta atau 16.5% serta Aset sejumlah RM1.81 juta atau 12.2% berbanding

tahun 2017. Peruntukan bagi Emolumen mencatatkan penurunan sejumlah RM6.19 juta atau 3.1% dan Perbelanjaan Lain mencatatkan penurunan peruntukan sejumlah RM0.58 juta atau 26.6% berbanding tahun 2017. Justifikasi bagi peningkatan dan penurunan peruntukan mengurus pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN DAN PENURUNAN**  
**PERUNTUKAN MENGURUS PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	PERUNTUKAN 2018	PERUNTUKAN 2017	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/PENURUNAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Emolumen	191.83	198.02	-6.19	-3.1	Penurunan adalah kerana Elaun Penghulu dipindahkan kepada kod objek 29000 di bawah Perkhidmatan dan Bekalan.
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	129.78	122.72	7.06	5.8	Peningkatan adalah kerana Elaun Penghulu dipindahkan dari kod objek 12000 (Emolumen) kepada kod objek 29000 (Perkhidmatan dan Bekalan).  Peningkatan sebanyak RM1.50 juta disebabkan oleh penambahan peruntukan bagi bayaran gaji kakitangan sambilan di Jabatan Perhutanan Negeri.
3.	Aset	16.65	14.84	1.81	12.2	Peningkatan peruntukan sebanyak RM2 juta bagi perolehan kenderaan baru kepada YB dan EXCO yang baru dilantik selepas pilihan raya.
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	417.91	358.57	59.34	16.5	Pemberian bagi Pembelaan Rakyat Miskin meningkat daripada RM2.55 juta kepada RM4.35 juta. Bantuan Al-Musa'adah meningkat daripada RM10.80 juta kepada RM18.40 juta. Sumbangan Kumpulan Wang Pembangunan meningkat daripada RM111.70 juta kepada RM149.14 juta.
5.	Perbelanjaan Lain	1.60	2.18	-0.58	-26.6	Penurunan ini adalah disebabkan oleh teras bajet yang berpaksikan kepada strategi merancang perbelanjaan secara optima. Bajet tahun 2018 adalah berdasarkan perbelanjaan sebenar 2 tahun sebelumnya.
<b>JUMLAH</b>		<b>757.77</b>	<b>696.33</b>	<b>61.44</b>	<b>8.8</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.5.3. Analisis Audit mendapati, peruntukan asal perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM738.64 juta dan peruntukan tambahan sejumlah RM19.14 juta menjadikan jumlah peruntukan muktamad bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM757.77 juta. Sejumlah RM546.49 juta atau 72.1% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan muktamad tahun 2018. Perbelanjaan mengurus sebenar berbanding anggaran tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**PERBELANJAAN MENGURUS BERBANDING ANGGARAN TAHUN 2018**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	191.83	168.61	-23.22	-12.1
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	129.78	116.38	-13.40	-10.3
3.	Aset	16.65	13.89	-2.76	-16.6
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	417.91	246.27	-171.64	-41
5.	Perbelanjaan Lain	1.60	1.34	-0.26	-16.3
<b>JUMLAH</b>		<b>757.77</b>	<b>546.49</b>	<b>-211.28</b>	<b>-27.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.5.4. Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM546.49 juta iaitu meningkat sejumlah RM3.98 juta atau 0.7% berbanding RM542.51 juta pada tahun 2017. Punca peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan sebanyak RM4.70 juta bagi memperkemaskan jaringan rangkaian telekomunikasi Kelantan *net* bagi tujuan pelaksanaan sistem iSPEKS dan lain-lain sistem. Perbelanjaan mengurus kerajaan negeri pada tahun 2018 berbanding 2017 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	MAKSUD PERBELANJAAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	168.61	176.14	-7.53	-4.3
2.	Perkhidmatan dan Bekalan	116.38	111.68	4.70	4.2
3.	Aset	13.89	10.34	3.55	34.3
4.	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	246.27	243.87	2.40	1
5.	Perbelanjaan Lain	1.34	0.48	0.86	179.2
<b>JUMLAH</b>		<b>546.49</b>	<b>542.51</b>	<b>3.98</b>	<b>0.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

6.5.5. Analisis Audit mendapati beberapa butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan dan penurunan pada tahun 2018 berbanding perbelanjaan tahun 2017. Perbelanjaan bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap mencatatkan peningkatan tertinggi pada tahun 2018 berjumlah RM4.70 juta atau 4.2% berbanding tahun 2017. Perbelanjaan bagi emolumen mencatatkan penurunan tertinggi sejumlah RM7.53 juta atau 4.3%.

Jumlah perbelanjaan mengurus tahun 2018

**RM546.49 juta**

Jumlah perbelanjaan mengurus tahun 2017

**RM542.51 juta**

Peningkatan

**RM3.98 juta  
(0.7%)**

Pada tahun 2018, perbelanjaan bagi ganjaran menunjukkan peningkatan yang sangat ketara berjumlah RM7.67 juta kerana pembubaran DUN sempena pilihan raya umum yang ke-14. Justifikasi bagi perbelanjaan mengurus yang lain

mencatatkan peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 17** dan **Jadual 18**.

**JADUAL 17**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN**  
**KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2018	2017	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Pinjaman	3.20	0	3.20	100	Pemberian pinjaman kepada Majlis Daerah Gua Musang dan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam.
2.	Pulangan Balik dan Hapuskira	1.25	0.37	0.88	237.8	Peningkatan permohonan bayaran balik hasil yang dipertanggung di bawah perbelanjaan T09.
3.	Tuntutan Insurans	0.99	0.29	0.70	241.4	Bayaran pampasan seperti dalam keputusan Mahkamah Tinggi Kota Bharu berkaitan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan berjumlah RM0.96 juta.
4.	Kemudahan dan Pembaikan	0.87	0.46	0.41	89.1	Pembaikan jalan-jalan di kawasan Istana Negeri <i>calibrate</i> (semakan dan pembaikan) elektrik di istana-istana berjumlah RM0.47 juta.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

**JADUAL 18**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN**  
**KETARA PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2018	2017	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1.	Bayaran Imbuhan	3.79	5.60	-1.81	-32.3	Penurunan Bayaran Khas daripada RM1,000 kepada RM500.
2.	Sewaan	1.12	1.67	-0.55	-32.9	Pengurangan sewaan mesin fotostat dan penjimatan sewaan untuk majlis istiadat.
3.	Bangunan dan Pembaikan Bangunan	2.22	2.59	-0.37	-14.2	Pengurangan perbelanjaan pembaikan bangunan pejabat.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

### 6.5.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- a. Arahan Perbendaharaan(AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Pada tahun 2018, pembayaran di bawah AP 58(a) adalah berjumlah RM1.54 juta yang melibatkan 492 baucar bayaran di 21 Jabatan/Pusat Tanggungjawab(PTJ). Daripada 21 PTJ yang terlibat, 14 PTJ menunjukkan peningkatan bayaran dan tujuh (7) PTJ menunjukkan penurunan bayaran. Secara keseluruhannya, pembayaran di bawah AP 58(a) menurun sejumlah RM0.08 juta atau 4.9% berbanding tahun 2017 yang berjumlah

RM1.62 juta. Antara perbelanjaan yang terlibat ialah bayaran elauan lebih masa, bayaran bil utiliti, penggunaan petrol/diesel dan perkhidmatan iklan dan percetakan. Maklumat pembayaran di bawah AP 58(a) pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a) PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

BIL.	PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Sultan	1.03	0.74	0.29	39.2
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	0.37	0.60	-0.23	-38.3
3.	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas	0.07	0	0.07	100
4.	Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai	0.03	0.01	0.02	200
5.	Lain-lain PTJ (17 PTJ)	0.04	0.27	-0.23	-85.2
<b>JUMLAH</b>		<b>1.54</b>	<b>1.62</b>	<b>-0.08</b>	<b>-4.9</b>

Sumber: Data SPEKS Kerajaan Negeri

- b. Pejabat Sultan, Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas menunjukkan pembayaran yang tertinggi di bawah AP 58(a). Pembayaran AP 58(a) dibuat adalah disebabkan bil diterima selepas penutupan akaun dan antara tujuan pembayaran adalah seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**  
**TUJUAN PEMBAYARAN DI BAWAH AP 58(a)**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	TUJUAN BAYARAN
1.	Pejabat Sultan	Bayaran Elauan Lebih Masa, Elauan Perjalanan, penggunaan petrol/diesel dan tunggakan bil utiliti.
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Bayaran percetakan, perubatan, penggunaan petrol/diesel dan Elauan Perjalanan.
3.	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas	Bayaran tunggakan bil utiliti pejabat lama.

Sumber: Data SPEKS Kerajaan Negeri

## 7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan.

7.2. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM19.14 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Jumlah pinjaman yang diterima adalah seperti berikut:

- a. projek Pembinaan Istana Negeri Kelantan (Baru) berjumlah RM6.55 juta;
- b. projek Kajian Pembangunan Sumber Air berjumlah RM2.02 juta; dan
- c. projek Loji Rawatan Air Kampung Telok, Kota Bharu berjumlah RM10.57 juta.

7.3. Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan bagi tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**  
**AKAUN PINJAMAN DISATUKAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**

PINJAMAN	2018	2017	PERUBAHAN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	24.51	38.51	-14	-36.4
Terimaan	19.14	27.33	-8.19	-30
Pindahan	38.65	41.33	-2.68	-6.5
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>5</b>	<b>24.51</b>	<b>-19.51</b>	<b>-79.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

7.4. Akaun Pinjaman Disatukan pada akhir tahun 2018 berbaki RM5 juta kerana pinjaman bagi membiayai Projek Loji Rawatan Air Kampung Telok, Kota Bharu yang diterima pada 30 Ogos 2018 dan 28 November 2018 belum disalurkan sepenuhnya kepada Syarikat Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB). Keseluruhan baki pinjaman telah diagihkan kepada AKSB pada bulan Februari dan April 2019.

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan

Baki Akaun Amanah Disatukan tahun 2018  
**RM743.50 juta**

Baki Akaun Amanah Disatukan tahun 2017  
**RM754.98 juta**

Penurunan  
**RM11.48 juta (1.5%)**

Amanah dan Suratcara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2018, Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM743.50 juta berbanding RM754.98 juta pada tahun 2017 iaitu penurunan sejumlah RM11.48 juta atau 1.5%.

8.2. Pada 31 Disember 2018, Akaun Amanah disatukan adalah terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang berjumlah RM194.76 juta, Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM108.98 juta dan Akaun Deposit berjumlah RM439.76 juta. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada pelbagai Kumpulan Wang

Amanah Kerajaan berjumlah RM1,072.41 juta dan dikurangkan oleh jumlah defisit Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Bekalan Air yang masing-masing berjumlah RM789.88 juta dan RM87.77 juta.

8.3. Analisis Audit menunjukkan penurunan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2018 adalah disebabkan oleh penurunan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sejumlah RM36.44 juta atau 15.8%. Bagaimanapun baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan meningkat sejumlah RM90.84 juta atau 13%. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

PERIHAL	BIL. AKAUN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada :					
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan		194.76	231.20	-36.44	-15.8
• Kumpulan Wang Pembangunan	1	-789.88	-699.04	-90.84	-13
• Kumpulan Wang Bekalan Air	1	-87.77	-87.77	0	0
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	11	1,072.41	1,018.01	54.40	5.3
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	19	108.98	92.06	16.92	18.4
iii. Akaun Deposit	86	439.76	431.72	8.04	1.9
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>118</b>	<b>743.50</b>	<b>754.98</b>	<b>-11.48</b>	<b>-1.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

#### 8.4. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi tujuan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Penubuhannya adalah tertakluk kepada kelulusan Badan Perundangan Negeri.

8.4.2. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM194.76 juta iaitu menurun sejumlah RM36.44 juta berbanding baki tahun 2017 sejumlah RM231.20 juta. Penurunan ini antaranya dicatatkan oleh peningkatan baki defisit Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM90.84 juta. Ini adalah disebabkan oleh perbelanjaan pembangunan sejumlah RM158.37 juta melebihi terimaan pembangunan sejumlah RM67.53 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**  
**AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

<b>BIL.</b>	<b>BUTIRAN</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Pembangunan	-789.88	-699.04	-90.84	-13
2.	Kumpulan Wang Bekalan Air	-87.77	-87.77	0	0
	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah terdiri daripada:	1,072.41	1,018.01	54.40	5.3
	i) Akaun Penyelesaian	404.49	370.03	34.46	9.3
3.	ii) Akaun Pinjaman	9.01	9.19	-0.18	-1.9
	iii) Kumpulan Wang Luar Jangka	6	6	0	0
	iv) Akaun Kena Bayar	5.14	8.45	-3.31	39.2
	v) Pelbagai Kumpulan Wang	647.77	624.34	23.43	3.7
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>194.76</b>	<b>231.20</b>	<b>-36.44</b>	<b>-15.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

## 8.5. Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1966 (Akta 406) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada terimaan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.

### 8.5.1. Prestasi Kewangan

- Pada tahun 2018, penerimaan kumpulan wang ini berjumlah RM67.53 juta yang terdiri daripada pinjaman dan pemberian Kerajaan Persekutuan masing-masing berjumlah RM16.72 juta dan RM50.81 juta. Pembayaran dari Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM158.37 juta berbanding RM146.93 juta pada tahun 2017 iaitu meningkat sejumlah RM11.44 juta atau 7.8%.
- Baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2018 berjumlah RM789.88 juta meningkat daripada defisit RM699.04 juta pada akhir tahun 2017. Ini kerana pada tahun semasa Kumpulan Wang Pembangunan mengalami defisit sejumlah RM90.84 juta. Baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**  
**BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

PERIHAL	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-699.04	-599.48	-99.56	-16.6
Penerimaan	67.53	47.37	20.16	42.6
Pembayaran	158.37	146.93	11.44	7.8
Lebihan/Kurangan	-90.84	-99.56	8.72	8.8
<b>BAKI PADA 31 DISEMBESER</b>	<b>-789.88</b>	<b>-699.04</b>	<b>-90.84</b>	<b>-13</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- c. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM158.37 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM146.93 juta pada tahun 2017. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM83.71 juta pada tahun 2018 iaitu 52.8% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018. Perbelanjaan ini antaranya adalah bagi membiayai projek Pembinaan Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri sejumlah RM11.90 juta, Projek Istana berjumlah RM49.43 juta, Projek Lebuhraya Rakyat sejumlah RM3.18 juta dan Pelbagai Kerja/Perolehan Pembangunan berkaitan infrastruktur dan komuniti bagi rakyat sejumlah RM9.60 juta. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 dan 2017 mengikut jabatan adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**  
**KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**  
**PADA TAHUN 2018 DAN 2017 MENGIKUT JABATAN**

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	83.71	76.63	7.08	9.2
2.	Pejabat Pembangunan Negeri	36.43	34.85	1.58	4.5
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	18.28	14.45	3.83	26.5
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	7.45	7.42	0.03	0.4
5.	Pejabat Perbadanan Negeri	3.65	4.00	-0.35	-8.8
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	3.25	3.22	0.03	0.9
7.	Jabatan Pertanian Negeri	2.66	3.00	-0.34	-11.3
8.	Pejabat Sultan Kelantan	1.68	1.99	-0.31	-15.6
9.	Jabatan Perhutanan Negeri	0.95	0.84	0.11	13.1
10.	Jabatan Perikanan Negeri Kelantan	0.31	0.53	-0.22	-41.5
<b>JUMLAH</b>		<b>158.37</b>	<b>146.93</b>	<b>11.44</b>	<b>7.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- d. Pada tahun 2018, sejumlah RM312.14 juta telah diperuntukkan dan sejumlah RM158.37 juta atau 50.7% telah dibelanjakan. Analisis Audit mendapati :
- i. tujuh (7) jabatan telah membelanjakan melebihi 80%; dan

ii. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri hanya membelanjakan 38.6%. Peratus perbelanjaan ini adalah rendah disebabkan oleh prestasi berikut:

- pengambilan balik tanah untuk projek negeri hanya dibelanjakan sebanyak RM0.14 juta kerana tiada tuntutan bagi pengambilan balik tanah bagi Projek Pembinaan Jalan Baru dari Cabang Empat Lampu Isyarat Pasir Hor ke Pasir Tumbuh;
- Projek Pembinaan Istana Lembah Sireh dibelanjakan RM6.56 juta kerana projek ini telah diberi lanjutan masa sehingga 17 Disember 2019;
- Projek Rancangan Rumah Awam Mampu Milik (RMMK) hanya dibelanjakan sebanyak RM1.02 juta kerana baki bayaran kemajuan kerja kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) untuk projek RMMK Pasir Genda Daerah Kusial, Tanah Merah dan RMMK Mukim Badang, Kota Bharu masih belum dibuat tuntutan oleh pemaju; dan
- dua (2) Projek Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri masih dalam peringkat awal pelaksanaan. Sementara itu, Projek Membina Kompleks Islam Jajahan Pasir Puteh dalam peringkat pelantikan kontraktor manakala Projek Balai Cerap/Pejabat Mufti pula, masih dalam perbincangan untuk mencari tapak baru dan dalam proses penyediaan draf perjanjian.

iii. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 berbanding peruntukan mengikut jabatan pula adalah seperti dalam **Jadual 26**.

**JADUAL 26**  
**KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**  
**PADA TAHUN 2018 BERBANDING PERUNTUKAN MENGIKUT JABATAN**

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	PERUNTUKAN 2018	PERBELANJAAN 2018	PENCAPAIAN
		(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	3.25	3.25	100
2.	Jabatan Perhutanan Negeri	1.01	0.95	94.1
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	4	3.65	91.3
4.	Jabatan Pertanian Negeri	2.96	2.66	89.9
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri	21.10	18.28	86.6
6.	Pejabat Sultan Kelantan	2	1.68	84
7.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	9.22	7.45	80.8
8.	Pejabat Pembangunan Negeri	48.80	36.43	74.7
9.	Jabatan Perikanan Negeri	0.57	0.31	54.4
10.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	216.73	83.71	38.6
11.	Perbelanjaan Kontingensi	2.50	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>312.14</b>	<b>158.37</b>	<b>50.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

### 8.5.2. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11

- a. Rancangan projek pembangunan Negeri Kelantan digubal bagi menjelaskan strategi, program/projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Kelantan. Siling peruntukan yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri adalah berjumlah RM1.061 bilion bagi tempoh tahun 2016 hingga 2020 (RMKe-11). Peruntukan ini telah diagihkan kepada 10 jabatan dan sehingga 31 Disember 2018, sejumlah RM452.51 juta atau 42.6% daripada peruntukan RMKe-11 telah dibelanjakan. Status prestasi perbelanjaan pembangunan bagi RMKe-11 sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

**JADUAL 27**  
**STATUS PRESTASI PERBELANJAAN**  
**PEMBANGUNAN BAGI RMKe-11 SEHINGGA 31 DISEMBER 2018**

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN 2016-2020	PERBELANJAAN SEHINGGA 31.12.2018	PENCAPAIAN
			(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	11	11.25	9.68	86
2.	Jabatan Pertanian Negeri	11	12.60	8.03	63.7
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1	20	11.65	58.3
4.	Pejabat Pembangunan Negeri	623	216.15	108.91	50.4
5.	Jabatan Perhutanan Negeri	40	5.05	2.42	47.9
6.	Pejabat Sultan Kelantan	31	8	3.67	45.9
7.	Jabatan Kerja Raya Negeri	42	116.35	53.44	45.9
8.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	223	52.60	23.38	44.4
9.	Jabatan Perikanan Negeri	15	4.66	1.66	35.6
10.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	20	615.15	229.67	37.3
<b>JUMLAH</b>		<b>1,017</b>	<b>1,061.81</b>	<b>452.51</b>	<b>42.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018


- b. Pada tahun 2018, sejumlah 1,017 projek telah dirancang, sebanyak 978 projek berjaya disiapkan, 17 projek sedang dilaksanakan manakala 22 projek masih belum dimulakan. Lima (5) jabatan berjaya menyiapkan kesemua projek sebagaimana dirancang pada tahun 2018 iaitu Pejabat Sultan Kelantan, Pejabat Perbendaharaan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Jabatan Pertanian Negeri dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri. Projek yang berjaya disiapkan oleh jabatan ini melibatkan perbelanjaan berjumlah RM12.19 juta. Projek ini melibatkan projek yang dilaksanakan di bawah Sekolah Yayasan Islam Kelantan, penyelenggaraan bangunan dan pembangunan hutan. Status prestasi pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11 bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 28** dan **Carta 4**.

**JADUAL 28**  
**STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11 BAGI TAHUN 2018**

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	BIL. PROJEK DILULUSKAN	STATUS PROJEK		
			SIAP SEBENAR	SEDANG DILAKUKAN	BELUM MULA
1.	Pejabat Sultan Kelantan	31	31	0	0
2.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	20	3	10	7
3.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1	1	0	0
4.	Jabatan Perhutanan Negeri	40	40	0	0
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	223	221	0	2
6.	Jabatan Pertanian Negeri	11	11	0	0
7.	Jabatan Kerja Raya Negeri	42	40	1	1
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	11	11	0	0
9.	Pejabat Pembangunan Negeri	623	615	1	7
10.	Jabatan Perikanan Negeri	15	5	5	5
<b>JUMLAH</b>		<b>1,017</b>	<b>978</b>	<b>17</b>	<b>22</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018/Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

**CARTA 4**  
**PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RM Ke-11 BAGI TAHUN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018/Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

- c. Terdapat 17 projek sedang dalam peringkat pelaksanaan oleh empat (4) jabatan iaitu Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri dan Jabatan Perikanan Negeri. Antara projek sedang dalam peringkat pelaksanaan yang berskala besar adalah kerja pembinaan Istana Kelantan di Lembah Sireh dan rumah kediaman dua (2) tingkat (Istana DiRaja) di Jalan Wickham, Kuala Lumpur yang masing-masing melibatkan kos bernilai RM254.40 juta dan RM142.67 juta. Projek RMMK Badang, Kota Bharu dan projek menaik taraf Jalan Pasir Hor, Kubang Kerian ke

Pasir Jelatang, Pasir Tumboh, Bachok masing-masing bernilai RM38.04 juta dan RM19.66 juta.

- d. Daripada keseluruhan projek fizikal yang dirancang, hanya 22 projek belum dimulakan yang melibatkan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri, Pejabat Pembangunan Negeri dan Jabatan Perikanan Negeri. Projek yang belum dimulakan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

**JADUAL 29**  
**PROJEK BELUM DIMULAKAN BAGI TAHUN 2018**

BIL.	JABATAN PELAKSANA/ NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
<b>PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI</b>			
1.	Projek Pembangunan Khazanah dan Warisan.	0.25	Tiada permohonan perbelanjaan diterima.
2.	Projek Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri - Cadangan Pembinaan Kompleks Islam Jajahan Pasir Puteh.	5	Masih dalam peringkat pelantikan kontraktor.
3.	Projek Kompleks Pejabat Kerajaan Negeri - Balai Cerap/Pejabat Mufti.	5	Dalam perbincangan mencari tapak baru.
4.	Projek Pembangunan Kampung Tradisional.	0.30	Tiada permohonan perbelanjaan diterima.
5.	Pembangunan Sistem Pendaftaran Hasil Tanah.	2	Masih dalam peringkat pra pembangunan.
6.	Cadangan Pembangunan Rumah Mampu Milik di atas Lot 12913, Mukim Kiat, Daerah Bunut Susu.	46.39	Masih dalam proses kelulusan pelan bangunan.
7.	Cadangan Pembangunan Rumah Mampu Milik dan Perniagaan, Mukim Meranti, Daerah Kubang Gadong.	8.91	Masih dalam proses penyediaan draf perjanjian.
<b>JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI</b>			
8.	Projek Pencegahan Hakisan Pantai dan Pemuliharaan Muara Sungai - Kerja Ukar <i>Bathymetry</i> Dari Kuala Kemasin ke Kuala Pengkalan Datu.	0.30	Kerja tidak dapat dilaksanakan kerana skop kerja tersebut merangkumi kerja kajian secara terperinci mengikut kajian yang dijalankan oleh Intergrated Shoreline Management Plan JPS Malaysia. Lantikan perunding untuk kajian tersebut dijangka pada bulan Jun 2019.
9.	Projek Pencegahan Hakisan Pantai dan Pemuliharaan Muara Sungai. - Kajian Terperinci Hakisan Pantai Dari Kuala Kemasin Hingga ke Kuala Pengkalan Datu.	0.50	Kerja tidak dapat dilaksanakan kerana skop kerja tersebut merangkumi kerja kajian secara terperinci mengikut kajian yang dijalankan oleh Intergrated Shoreline Management Plan JPS Malaysia. Lantikan perunding untuk kajian tersebut dijangka pada bulan Jun 2019.
<b>JABATAN KERJA RAYA NEGERI</b>			
10.	Cadangan Pembinaan Jambatan Baru Padang Lembik, Kota Bharu.	2.50	Reka bentuk akan dilaksanakan dalam tahun 2019.
<b>PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI</b>			
11.	Projek Ternakan Ayam Kacuk <i>pilot</i> di Jajahan Pasir Puteh.	0.10	Projek dirancang pada hujung tahun. Bagaimanapun, tidak sempat dilaksanakan kerana faktor banjir.
12.	Kerja Membina dan Menyiapkan Dua Unit Kiosk Serta Lain-lain Kerja berkaitan di Penempatan Semula Kg. Laut, Tumpat.	0.04	Projek dirancang pada hujung tahun. Bagaimanapun, tidak sempat dilaksanakan kerana faktor banjir.

BIL.	JABATAN PELAKSANA/ NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
13.	Menaiktaraf Pembentung di Kg. Belukar, Panji, Kota Bharu.	0.04	Projek dirancang pada hujung tahun. Bagaimanapun, tidak sempat dilaksanakan kerana faktor banjir.
14.	Menaiktaraf Jambatan Sungai Tengkorak, Daerah Tanjung Pauh, DUN Tawang, Bachok.	0.02	Projek dirancang pada hujung tahun. Bagaimanapun, tidak sempat dilaksanakan kerana faktor banjir.
15.	Menaiktaraf Pembentung di Jalan Pondok Tarbiah Al-Thaqafah Kg. Bechah Salak, DUN Guchil, Kuala Krai.	0.02	Projek dirancang pada hujung tahun. Bagaimanapun, tidak sempat dilaksanakan kerana faktor banjir.
16.	Menaiktaraf Jambatan Pantai Hj. Nik Mat ke Pulau Suri, DUN Pasir Pekan, Tumpat	0.26	Projek dirancang pada hujung tahun. Bagaimanapun, tidak sempat dilaksanakan kerana faktor banjir.
17.	Menaiktaraf Pembentung di Kg. Warisan Kg. Laut.	0.14	Projek dirancang pada hujung tahun. Bagaimanapun, tidak sempat dilaksanakan kerana faktor banjir.
<b>JABATAN PERIKANAN NEGERI</b>			
18.	Program Galakan Pemindahan Teknologi Peralatan Perikanan.	0.05	Peralatan tidak dapat dibekalkan kerana pengusaha produk gagal menyiapkan premis(kiland).
19.	Projek Asuhan Benih Ikan Air Tawar di Kelantan.	0.05	Dasar jabatan tidak menggalakkan pemberian bantuan benih kepada penternak pada akhir tahun yang berkemungkinan berlaku bencana banjir.
20.	Program Peningkatan Industri Pemberian Ikan dan Industri Ikan Hiasan Swasta.	0.02	Dasar jabatan tidak menggalakkan pemberian bantuan benih ikan hiasan kepada penternak pada akhir tahun yang berkemungkinan berlaku bencana banjir.
21.	Pemulihan Semula Kolam Terbiar.	0.02	Jabatan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan bagi projek ini.
22.	Ternakan Lobster Air Tawar Negeri Kelantan.	0.05	Bilangan pengusaha adalah terhad kerana Projek Ternakan Lobster Air Tawar merupakan projek baharu di Kelantan.
<b>JUMLAH</b>		<b>71.96</b>	


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018/Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

### 8.5.3. Projek Lebuh Raya Rakyat

- Projek Lebuh Raya Rakyat merupakan projek bagi membina dan menyiapkan jajaran yang menghubungkan Machang ke Kuala Krai sepanjang 30.5 km. Pada tahun 2012, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) telah bersetuju untuk melantik Syarikat Baldah Toyibah Sdn. Bhd. bagi menguruskan projek ini.
- Kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan Projek Lebuh Raya Rakyat dengan peruntukan minimum di bawah RMKe-11. Projek ini dilaksanakan melalui konsep Bayaran Tertangguh/*Deferred Payment*.
- Projek yang bernilai RM854.73 juta ini pada awalnya ditawarkan kepada Syarikat Kelkon Sdn. Bhd. pada tahun 2014 melalui tender terbuka dengan tempoh 43 bulan. Bagaimanapun, kontrak ini ditamatkan secara penamatan bersama pada tahun 29 Julai 2015 disebabkan syarikat gagal mengemukakan Bon Pelaksanaan dan Bayaran Pendahuluan Pengambilan Tanah.

- d. Projek ini diteruskan dengan melantik Syarikat Jambatan Kedua Sdn. Bhd.(JKSB) secara rundingan terus dengan nilai kontrak sejumlah RM304.26 juta. Bagaimanapun, jajaran pembinaan telah dipendekkan kepada 10 km sahaja iaitu dari Bukit Tiu ke Berangan Mek Nab. Tempoh pembinaan adalah selama 30 bulan dari Ogos 2015 hingga Mac 2018. Kontrak ini juga telah ditamatkan secara penamatan bersama disebabkan kelewatan kemajuan kerja.
- e. Seterusnya, Syarikat HRA Teguh telah dilantik secara rundingan terus dengan nilai projek RM240.32 juta selama 18 bulan bermula 14 Mac 2017 hingga 13 September 2018. Namun, notis untuk tujuan pengambilan kerja kontraktor telah dikeluarkan pada 14 Ogos 2018 kerana kelewatan kemajuan kerja. Majlis Mesyuarat Kerajaan Bilangan 19 Tahun 2018 telah bersetuju supaya kontrak ini ditamatkan.
- f. Kesan dari penamatan kontrak ini, kerajaan negeri perlu menanggung kos penamatan kontrak sehingga 31 Disember 2018 berjumlah RM58.33 juta. Pada tahun 2018, RM3.18 juta telah dibayar.
- g. Berdasarkan kronologi Jabatan Kerja Raya Machang, kemajuan fizikal projek pada 25 April 2018 adalah 35.6% seperti dalam **Rajah 1**. Pemeriksaan fizikal oleh pihak Audit ke tapak projek pada 8 April 2019 bersama pihak Pejabat Pembangunan Negeri dan Jabatan Kerja Raya Machang mendapati projek masih belum siap dan peratus kemajuan kerja masih pada tahap yang sama seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

**RAJAH 1**  
**KRONOLOGI PROJEK LEBUH RAYA RAKYAT**



Sumber: Unit Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan

**GAMBAR 1**

Tapak Pembinaan Lebuhraya Rakyat 10 km  
Bukit Tiu – Berangan Mek Nab  
(08.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**

Tapak Pembinaan R&R Lebuhraya Rakyat 10 km  
Bukit Tiu – Berangan Mek Nab  
(08.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

## **8.6. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pada akhir tahun 2018, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sejumlah RM54.40 juta atau 5.3% berbanding tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan peningkatan Akaun Pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kumpulan Wang Penyelenggaraan Jalan Negeri. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2018 dan 2017 seperti dalam **Jadual 30**.

**JADUAL 30**  
**KEDUDUKAN BAKI PELBAGAI KUMPULAN**  
**WANG AMANAH KERAJAAN BAGI TAHUN 2018 DAN 2017**

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2018	2017	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	1,018.01	902.63	115.38	12.8
Terimaan	553.32	622.17	-68.85	-11.1
Perbelanjaan/Agihan	498.92	506.79	-7.87	-1.6
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>1,072.41</b>	<b>1,018.01</b>	<b>54.40</b>	<b>5.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

### **8.6.1. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri**

- a. Kumpulan Wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 10(1)(a) Akta Tatacara Kewangan tahun 1957. Sumber kewangan akaun amanah ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan. Akaun amanah ini digunakan khusus bagi membiayai program penyelenggaraan semua jalan negeri dan perbelanjaan pengurusan lain yang berkaitan.
- b. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM647.25 juta berbanding RM623.82 juta pada akhir tahun 2017 iaitu peningkatan sejumlah RM23.43 juta atau 3.8%. Kedudukan baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

**JADUAL 31**  
**KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG AMANAH**  
**PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2018 DAN 2017**

BUTIRAN	TAHUN		PERUBAHAN	
	2018	2017	(RM Juta)	(%)
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	623.82	602.47	21.35	3.5
Terimaan	216.36	210.07	6.29	3
Perbelanjaan/Agihan	192.93	188.72	4.21	2.2
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>647.25</b>	<b>623.82</b>	<b>23.43</b>	<b>3.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

- c. Pemberian daripada Kerajaan Persekutuan yang diterima pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM6.29 juta kepada RM216.36 juta berbanding RM210.07 juta pada tahun 2017. Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM192.93 juta atau 89.2% daripada jumlah terimaan tahun 2018. Perbelanjaan tahun 2018 berjumlah RM192.93 juta meningkat sejumlah RM4.21 juta berbanding RM188.72 juta pada tahun 2017.
- d. Panjang jalan yang didaftarkan dalam sistem MARRIS pada tahun 2018 ialah 18,593.94 km. Panjang jalan ini termasuk jalan raya negeri, jalan raya perbandaran, lorong belakang, jalan kawasan perumahan, jalan raya kampung dan jalan pertanian. Panjang jalan yang didaftarkan dalam tahun 2018 berkurang sebanyak 1,412.07 km berbanding 20,006.01 km pada tahun 2017 disebabkan oleh proses pemutihan rekod dan pelarasan semula jalan.

#### **8.6.2. Akaun Pendahuluan Daripada Kerajaan Persekutuan**

Kerajaan negeri telah menerima pendahuluan daripada Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2008 dan diperakaunkan dalam Akaun Pendahuluan dari Kerajaan Persekutuan di bawah Akaun Penyelesaian. Pada 31 Disember 2018, akaun ini mempunyai baki berjumlah RM399.50 juta iaitu meningkat sejumlah RM35.50 juta berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM364 juta. Pada akhir tahun 2018, tunggakan bayaran balik adalah sejumlah RM19 juta iaitu bayaran tunai sejumlah RM2 juta dan Pemberian di bawah Senarai Bersama yang tidak *offset* sejumlah RM17 juta.

#### **8.7. Kumpulan Wang Amanah Awam**

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 terdiri daripada Kumpulan Wang Khas yang dipegang oleh kerajaan negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

8.7.1. Sejumlah 19 Akaun Amanah diselenggara pada tahun 2018 iaitu 12 Akaun Amanah yang masih aktif, enam (6) Akaun Amanah dengan baki tidak berubah dan satu (1) Akaun Amanah telah ditutup.

8.7.2. Pada tahun 2018 baki Kumpulan Wang Amanah Awam telah meningkat sejumlah RM16.92 juta atau 18.4% kepada RM108.98 juta berbanding RM92.06 juta pada tahun 2017. Antara sebab peningkatan adalah kerana pada tahun 2018 baki Akaun Amanah Kumpulan Wang Pembangunan Hutan yang meningkat sejumlah RM15.16 juta kepada RM79.87 juta berbanding RM64.71 juta pada tahun 2017. Sementara itu, Tabung Serambi Mekah menyumbang peningkatan sejumlah RM0.22 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

**JADUAL 32**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG**  
**AMANAH AWAM PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	92.06	88.04	4.02	4.6
Penerimaan	25.13	18.43	6.70	36.4
Pembayaran	8.21	14.41	-6.20	-43
<b>BAKI PADA 31 DISEMBESER</b>	<b>108.98</b>	<b>92.06</b>	<b>16.92</b>	<b>18.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.7.3. Pada tahun 2018, tiga (3) daripada 19 akaun amanah yang diselenggarakan adalah tidak aktif bagi tempoh melebihi tiga (3) tahun dengan baki sejumlah RM3.98 juta. Akaun Amanah berkenaan adalah Akaun Amanah Projek Penubuhan Kilang Pemprosesan Kenaf dan Projek Pengeluaran dan Pemprosesan Ubi Keledek, Akaun Amanah Projek Pembangunan Tebing Sungai Kelantan dan Akaun Amanah Tabung Pembinaan Masjid Sultan Muhammad Ke V. Bagi Akaun Amanah Projek Penubuhan Kilang Pemprosesan Kenaf dan Projek Pengeluaran dan Pemprosesan Ubi Keledek, kerajaan negeri masih mengekalkan akaun ini dengan cadangan membuat penstrukturran dan penjenamaan semula. Bagi dua (2) akaun amanah lagi, kerajaan negeri bercadang untuk mengekalkan akaun ini dan akan diuruskan berdasarkan tujuan sebenar penubuhan akaun amanah tersebut.

#### **8.7.4. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan**

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) dan Seksyen 9(3) Akta Tatacara Kewangan 1957, bertujuan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti dalam menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Pada tahun 2018, baki Kumpulan Wang ini meningkat kepada RM79.87 juta berbanding

RM64.71 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan oleh pendapatan yang terdiri daripada ses pembangunan hutan yang melebihi perbelanjaan sejumlah RM15.16 juta pada tahun 2018.

### **8.7.5. Tabung Serambi Mekah**

- a. Akaun Amanah Tabung Serambi Mekah ditubuhkan untuk mengakaunkan wang pemberian daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, agensi kerajaan, anak syarikat kerajaan negeri dan syarikat swasta. Wang dalam Tabung ini akan digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti pembangunan sosio ekonomi berbentuk bantuan segera kepada golongan fakir miskin, mangsa malapetaka dan bencana alam untuk kesejahteraan rakyat.
- b. Akaun ini dikawal oleh Pengarah Pembangunan Negeri sebagai Pegawai Pengawal Akaun Amanah. Satu (1) Jawatankuasa Akaun yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar bertanggungjawab menguruskan akaun berdasarkan arahan amanah yang diluluskan. Pada tahun 2018, baki akaun berjumlah RM2.86 juta berbanding tahun 2017 sebanyak RM2.64 juta iaitu merekodkan peningkatan sejumlah RM0.22 juta atau 8.3%. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan sumbangan derma.

### **8.8. Akaun Deposit**

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am mengakaun wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang diguna sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

8.8.1. Pada 31 Disember 2018, baki akaun deposit meningkat kepada RM439.76 juta atau 1.9% berbanding RM431.72 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan deposit pengambilan balik tanah. Kedudukan baki deposit pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 33**.

**JADUAL 33**  
**KEDUDUKAN BAKI DEPOSIT PADA TAHUN 2018 DAN 2017**

JENIS DEPOSIT	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	393.70	397.64	-3.94	-1
Deposit Pengambilan Tanah	45.81	33.81	12	35.5
Deposit Perumahan Awam Kos Rendah	0.25	0.27	-0.02	-7.4
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>439.76</b>	<b>431.72</b>	<b>8.04</b>	<b>1.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

8.8.2. Pada akhir Disember 2018, Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) adalah berjumlah RM5.09 Juta. Lima (5) daripada akaun deposit tersebut berjumlah RM0.29 juta yang melebihi 12 bulan dari tarikh ianya boleh dikembalikan kepada pendeposit masih belum diwartakan. Selain itu, 10 akaun deposit WJP yang telah diwartakan melebihi tiga (3) bulan belum dikreditkan ke akaun hasil berjumlah RM0.68 juta. Bagaimanapun, tindakan mengkreditkan ke akaun hasil dan bayaran balik amaun tersebut telah selesai dibuat pada April 2019.

## **9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan liabiliti Kerajaan yang boleh dilupuskan atau perlu dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

### **9.1. MEMORANDUM ASET - PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pada akhir tahun 2018, baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM23.63 juta atau 2.2% daripada RM1.051 bilion pada tahun 2017 kepada RM1.075 bilion pada tahun 2018. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2018 terdiri daripada pinjaman menggunakan sumber kerajaan negeri berjumlah RM21.69 juta dan pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1.053 bilion. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 34**.

**JADUAL 34**  
**KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2018 DAN 2017**

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun Negeri	201.66	201.71	-0.05	0
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	16.11	14.37	1.74	12.1
3.	Syarikat Kerajaan Negeri	856.79	834.85	21.94	2.6
<b>JUMLAH</b>		<b>1,074.56</b>	<b>1,050.93</b>	<b>23.63</b>	<b>2.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.1.2. Pada tahun 2018, agensi sepatutnya membayar ansuran pinjaman kerajaan negeri berjumlah RM372.17 juta yang terdiri daripada bayaran anuiti tahun semasa sejumlah RM50.61 juta dan tunggakan berjumlah RM321.56 juta. Kedudukan bayaran balik tunggakan pinjaman boleh dituntut pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

**JADUAL 35**  
**KEDUDUKAN BAYARAN BALIK TUNGGAKAN**  
**PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2018**

BIL.	AGENSI	TUNGGAKAN PADA 01.01.2018	ANUITI 2018	JUMLAH PATUT DIJELASKAN TAHUN 2018	JUMLAH TELAH DIJELASKAN TAHUN 2018	TUNGGAKAN PADA 31.12.2018
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Badan Berkanun Negeri	88.57	9.91	98.48	0.05	98.43
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	0.15	1.31	1.46	1.46	0
3.	Syarikat Kerajaan Negeri	232.84	39.39	272.23	0	272.23
<b>JUMLAH</b>		<b>321.56</b>	<b>50.61</b>	<b>372.17</b>	<b>1.51</b>	<b>370.66</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018

9.1.3. Sejumlah 30 atau 52.6% daripada 57 pinjaman mempunyai tunggakan bayaran balik dengan tempoh tunggakan antara satu (1) hingga 12 tahun melibatkan 222 ansuran tertunggak. Tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2018 meningkat sebanyak RM49.10 juta atau 15.3% menjadi RM370.66 juta berbanding RM321.56 juta pada akhir tahun 2017. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam

**Jadual 36.**

Jumlah tunggakan pinjaman boleh dituntut tahun 2018

**RM370.66 juta**

Jumlah tunggakan pinjaman boleh dituntut tahun 2017

**RM321.56 juta**

Peningkatan

**RM49.10 juta (15.3%)**

Jumlah bayaran balik pinjaman boleh dituntut tahun 2018

**RM1.51 juta (0.4%)**

**JADUAL 36**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN**  
**BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

PEMINJAM	PINJAMAN			TUNGGAKAN BAYARAN BALIK				BIL. ANSURAN TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2018	TEMPOH TERTUNGGAK SEHINGGA AKHIR TAHUN 2018 (Tahun)
	Bil.	Tertunggak	(% (Bil.)	31.12.2017	31.12.2018	TAMBAHAN/ (KURANGAN)			
		(Bil.)		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)		
Badan Berkanun Negeri	5	3	60	88.57	98.43	9.86	11.1	19	1-12
Pihak Berkuasa Tempatan	18	0	0	0.15	0	-0.15	-100	0	0
Syarikat Kerajaan Negeri	34	27	79.4	232.84	272.23	39.39	16.9	203	2-11
<b>JUMLAH</b>	<b>57</b>	<b>30</b>	<b>52.6</b>	<b>321.56</b>	<b>370.66</b>	<b>49.10</b>	<b>15.3</b>	<b>222</b>	<b>1-12</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2018

## 9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan oleh kerajaan negeri melalui peruntukan belanja mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2018, baki pelaburan di Penyata Akaun Memorandum berjumlah RM7.17 juta berbanding RM7.16 juta pada tahun 2017 iaitu meningkat sejumrah RM0.01 juta atau 0.1%. Kedudukan pelaburan kerajaan negeri pada tahun 2018 dan 2017 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

**JADUAL 37**  
**KEDUDUKAN PELABURAN KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2017 DAN 2018**

BIL.	PELABURAN	TAHUN		PERUBAHAN	
		2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Malaysia Airports Holdings Berhad	4.75	4.75	0	0
2.	Petron, Malaysia Mining Corporation	0.12	0.12	0	0
3.	Pelaburan Portfolio	2.29	2.30	0.01	0.4
<b>JUMLAH</b>		<b>7.16</b>	<b>7.17</b>	<b>0.01</b>	<b>0.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 dan 2018


9.2.2. Kedudukan pelaburan dan pulangan dividen untuk tempoh lima (5) tahun bagi tahun 2014 hingga tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 38** dan **Carta 5**.

**JADUAL 38**  
**KEDUDUKAN PELABURAN DAN PULANGAN DIVIDEN**  
**PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

BIL.	PELABURAN	NILAI KOS (RM Juta)	PULANGAN PELABURAN (Dividen) TAHUN (RM Juta)				
			2014	2015	2016	2017	2018
1.	Malaysia Airports Holdings Berhad	4.75	0.04	0.14	0.16	0.41	0.25
2.	Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad	0.11	0.02	0	0.02	0.02	0.03
3.	Malaysia Mining Corporation Berhad	0.01	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>4.87</b>	<b>0.06</b>	<b>0.14</b>	<b>0.18</b>	<b>0.43</b>	<b>0.28</b>

Sumber: Jadual Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

**CARTA 5**  
**KEDUDUKAN PELABURAN DAN PULANGAN**  
**DIVIDEN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**



Sumber: Jadual Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

9.2.3. Kedudukan nilai pasaran pelaburan kerajaan negeri bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 39**. Nilai pasaran pelaburan menunjukkan peningkatan bagi tahun 2016 dan 2017, bagaimanapun menunjukkan penurunan pada tahun 2018.

**JADUAL 39**  
**KEDUDUKAN NILAI PASARAN**  
**PELABURAN KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2014 HINGGA 2018**

BIL.	PELABURAN	NILAI KOS (RM Juta)	NILAI PASARAN (RM Juta)				
			2014	2015	2016	2017	2018
1.	Malaysia Airports Holdings Berhad	4.75	12.92	10.66	11.51	16.70	15.92
2.	Petron Malaysia Refining & Marketing Berhad	0.11	0.28	0.54	0.45	1.46	0.68
3.	Malaysia Mining Corporation Berhad	0.01	0.03	0.03	0.03	0.03	0.01
<b>JUMLAH</b>		<b>4.87</b>	<b>13.23</b>	<b>11.23</b>	<b>11.99</b>	<b>18.19</b>	<b>16.61</b>

Sumber: Jadual Pelaburan Kerajaan Negeri Tahun 2014 hingga 2018

### 9.3. MEMORANDUM LIABILITI - HUTANG AWAM

9.3.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa ada menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pada tahun 2018, baki hutang kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah meningkat sejumlah RM13.87 juta atau 1%

Baki hutang pada 31 Disember 2018

**RM1.435 bilion**

Baki hutang pada 31 Disember 2017

**RM1.421 bilion**

Peningkatan  
**RM13.87 juta (1%)**

menjadi RM1.435 bilion berbanding RM1.421 bilion pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kerajaan negeri telah menerima pinjaman untuk projek bekalan air dan Projek Pembinaan Istana Negeri Kelantan yang baharu. Pada 14 September 2016, Perjanjian Utama di antara Kerajaan Malaysia, Kerajaan Negeri Kelantan, Air Kelantan Sdn. Bhd. dan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) telah ditandatangani bagi Migrasi Air Kelantan Sdn. Bhd. ke PAAB berjumlah RM554.52 juta. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri Kelantan masih mengambil kira amaun RM554.52 juta sebagai baki hutang awam belum selesai pada tahun 2018. Kedudukan baki hutang awam akan diselaraskan apabila perjanjian novasi di antara Kerajaan Persekutuan dan PAAB dimuktamadkan sebagaimana perenggan tujuh (7) perjanjian tersebut. Kedudukan hutang Awam pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

**JADUAL 40**  
**KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA TAHUN 2018 DAN 2017**

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	BAKI HUTANG		PERUBAHAN	
		2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	260.00	260.77	-0.77	-0.3
2.	Projek Bekalan Air	855.79	843.20	12.59	1.5
3.	Projek Membaikpulih Loji Rawatan Pembetungan	30	30	0	0
4.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	56.40	58.22	-1.82	-3.1
5.	Pelbagai Projek Lain	233.10	229.23	3.87	1.7
<b>JUMLAH</b>		<b>1,435.29</b>	<b>1,421.42</b>	<b>13.87</b>	<b>1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.3.2. Selain itu, kerajaan negeri mempunyai tunggakan bayaran balik kepada Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018 berjumlah RM490.82 juta iaitu meningkat sejumalah RM52.04 juta atau 11.9% berbanding RM438.78 juta pada tahun 2017. Tunggakan ini melibatkan 33 pinjaman atau 75% daripada sejumalah 44 pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2018, kerajaan negeri telah membuat bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM5.74 juta atau 1.2% daripada RM496.56 juta jumlah yang perlu dijelaskan dalam tahun semasa. Kedudukan tunggakan bayaran balik hutang awam tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

**JADUAL 41**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN**  
**BAYARAN BALIK HUTANG AWAM PADA TAHUN 2018**

BIL.	TUJUAN PINJAMAN	TUNGGAKAN PADA 31.12.2017	ANUITI 2018	JUMLAH PATUT DIJELASKAN TAHUN 2018	JUMLAH TELAH DIJELASKAN TAHUN 2018	TUNGGAKAN PADA 31.12.2018
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Projek Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	87.49	9.30	96.79	1.23	95.56
2.	Projek Bekalan Air	268.61	39.24	307.85	0	307.85
3.	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	16.57	2.61	19.18	1.82	17.36
4.	Pelbagai Projek Lain	60.66	5.26	65.92	2.69	63.23
5.	Projek Membangunkan Loji Rawatan Pembetungan	5.45	1.37	6.82	0	6.82
<b>JUMLAH</b>		<b>438.78*</b>	<b>57.78</b>	<b>496.56</b>	<b>5.74</b>	<b>* 490.82</b>

Sumber: Senarai Pinjaman Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Kelantan Sehingga 31 Disember 2018

Nota: \* Jumlah Tunggakan Adalah Mengambilkira Jumlah Pokok dan Faedah Untuk Pinjaman Tersebut

#### 9.4. Akaun Belum Terima

9.4.1. Peraturan mengenai Akaun Belum Terima dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar suatu pernyataan mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Bendahari Negeri. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 juga menjelaskan tentang penyelenggaraan dan pelaporan Akaun Belum Terima. Selain itu, Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri bagi penutupan Akaun Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2018 menghendaki Penyata Akaun Belum Terima 2018 dikemukakan kepada Bendahari Negeri sebelum atau pada 3 Januari 2019.

9.4.2. Akaun Belum Terima Negeri Kelantan telah meningkat sejumlah RM27.01 juta atau 25.2% kepada RM134.37 juta pada tahun 2018 berbanding RM107.36 juta pada tahun 2017.

Sebahagian besar daripada tunggakan hasil ini merupakan Denda Cukai Tanah, Cukai Tanah

Baki Akaun Belum Terima tahun 2018

**RM134.37 juta**

Baki Akaun Belum Terima tahun 2017

**RM107.36 juta**

Peningkatan

**RM27.01juta (25.2%)**

Berulang, hutang Tribute Konsesi Hutan kepada kerajaan negeri dan sewa Rumah Awam Kos Rendah berjumlah RM122.52 juta atau 91.2% daripada keseluruhan jumlah tunggakan hasil bagi tahun 2018. Kedudukan Akaun Belum Terima bagi tahun 2017 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 42**.

**JADUAL 42**  
**KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA BAGI TAHUN 2017 DAN 2018**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2018</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>2017</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
	<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>		
Denda Cukai Tanah	68.76	62.87	5.89	9.4
Cukai Tanah Berulang	37.45	23.16	14.29	61.7
Hutang Tribute Konsesi Hutan Kepada Kerajaan Negeri	11.68	11.33	0.35	3.1
Sewa Rumah Awam Kos Rendah	4.63	5.26	-0.63	-12
Lain-lain	11.85	4.74	7.11	150
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>134.37</b>	<b>107.36</b>	<b>27.01</b>	<b>25.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.4.3. Cukai tanah adalah cukai yang dikenakan ke atas pemilik tanah sebagai balasan kepada pihak berkuasa negeri yang telah memberi milik tanah kerajaan kepadanya. Cukai tanah perlu dibayar sekali setahun. Sekiranya tidak dibayar terlebih awal ianya menjadi tunggakan pada hari pertama bulan Jun tahun itu. Tunggakan Cukai Tanah

Tunggakan cukai tanah tahun 2018

**RM37.45 juta**

Tunggakan cukai tanah tahun 2017

**RM23.16 juta**

Jumlah peningkatan tunggakan cukai tanah

**RM14.29 juta  
(61.7 %)**


Berulang merupakan 27.9% daripada jumlah keseluruhan Akaun Belum Terima pada tahun 2018. Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah Berulang tertinggi pada tahun 2018 iaitu RM5.12 juta atau 449.1% menjadi RM6.26 juta berbanding RM1.14 juta pada tahun 2017. Butiran tunggakan Cukai Tanah Berulang mengikut Pejabat Tanah dan Jajahan pada tahun 2018 berbanding 2017 adalah seperti dalam **Jadual 43** dan **Carta 6**.

**JADUAL 43**  
**TUNGGAKAN CUKAI TANAH BERULANG PADA TAHUN 2018 BERBANDING 2017**

<b>BIL.</b>	<b>JABATAN</b>	<b>2018</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>2017</b> <b>(RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
		<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>		
1.	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	7.72	7.24	0.48	6.6
2.	Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai	4.26	3.18	1.08	34
3.	Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang	5.75	2.41	3.34	138.6
4.	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas	2.84	2.29	0.55	24
5.	Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah	2.66	2.39	0.27	11.3
6.	Pejabat Tanah dan Jajahan Machang	2.65	1.36	1.29	94.9
7.	Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh	6.26	1.14	5.12	449.1
8.	Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli	2.66	1.32	1.34	101.5
9.	Pejabat Tanah dan Jajahan Bachok	1.74	1.05	0.69	65.7
10.	Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat	0.91	0.78	0.13	16.7
<b>JUMLAH</b>		<b>37.45</b>	<b>23.16</b>	<b>14.29</b>	<b>61.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

**CARTA 6**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI**  
**TANAH BERULANG PADA TAHUN 2017 DAN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan 2017

9.4.4. Tunggakan hasil Tribute Konsesi Hutan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) kepada kerajaan negeri pada akhir tahun 2018 adalah berjumlah RM11.68 juta. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM5.57 juta merupakan hutang Syarikat Bintang Comel Sdn. Bhd. berjumlah RM5.48 juta dan Syarikat OKS 1 berjumlah RM0.09 juta yang telah tertunggak melebihi 15 tahun. Tindakan undang-undang terhadap Syarikat Bintang Comel Sdn. Bhd. telah diambil pada tahun 2001 bagaimanapun ditarik balik kerana kekurangan keterangan yang menyokong tuntutan. Penasihat Undang-Undang kerajaan negeri mengesyorkan supaya jumlah Tribute ditolak daripada deposit pengeluaran kayu balak syarikat tersebut dan selebihnya dibayar oleh PKINK kepada kerajaan negeri. Bagi Syarikat OKS 1, ianya tertakluk kepada Seksyen 6 Akta Had Masa yang menggariskan tindakan undang-undang tidak boleh diambil selepas enam tahun kesalahan berlaku.

9.4.5. Bagi tunggakan hasil Sewa Rumah Awam Kos Rendah (RAKR) yang berjumlah RM4.63 juta, sejumlah RM2.24 juta adalah merupakan tunggakan hasil jualan terus RAKR. Jualan terus RAKR ini dilaksanakan oleh Syarikat Binaraya Sdn. Bhd. dan tertunggak antara satu (1) hingga 10 tahun.

## 10. RUMUSAN AUDIT

10.1. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada akhir tahun 2018 adalah stabil berdasarkan perkara berikut:

- 10.1.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah mengalami peningkatan sejumlah RM9.47 juta atau 15.1% iaitu daripada RM62.72 juta pada tahun 2017 kepada RM72.19 juta pada tahun 2018;
- 10.1.2. Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM40.46 juta menjadi defisit RM676.31 juta pada tahun 2018 daripada defisit RM716.77 juta pada tahun 2017;
- 10.1.3. tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Tuntut daripada agensi kerajaan negeri telah meningkat daripada RM321.56 juta pada tahun 2017 kepada RM370.66 juta pada tahun 2018;
- 10.1.4. pelaburan meningkat daripada RM11.14 juta pada tahun 2017 kepada RM11.15 juta pada tahun 2018;
- 10.1.5. Hutang Awam meningkat daripada RM1,421.42 juta pada tahun 2017 kepada RM1,435.29 juta pada tahun 2018; dan
- 10.1.6. tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam kepada Kerajaan Persekutuan juga turut meningkat daripada RM438.78 juta pada tahun 2017 kepada RM490.82 juta tahun 2018.

## **11. SYOR AUDIT**

- 11.1. Pihak Audit mengesyorkan kerajaan negeri melaksanakan usaha yang berterusan bagi meningkatkan hasil dan mengawal perbelanjaan secara berhemat bagi memperkuatkan kedudukan kewangan. Langkah-langkah penambahan yang boleh diambil oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut:
  - 11.1.1. meningkatkan hasil dengan mengambil tindakan susulan bagi mendapatkan hasil yang tertunggak;
  - 11.1.2. mengawal perbelanjaan dengan memastikan perbelanjaan dilaksanakan mengikut keperluan dan kedudukan aliran tunai;
  - 11.1.3. mengawal perbelanjaan di bawah Arahan Perbelanjaan 58(a) dengan memastikan bil dikemukakan dengan segera supaya perbelanjaan dapat dibuat dalam tahun bekalan diterima dan tidak menjelaskan peruntukan tahun semasa; dan
  - 11.1.4. mengambil tindakan susulan terhadap bayaran balik pinjaman oleh agensi supaya kerajaan negeri dapat membuat bayaran dan mengurangkan hutang kepada Kerajaan Persekutuan.

# BAHAGIAN III

---

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN  
PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN  
AGENSI NEGERI



### **BAHAGIAN III**

#### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

##### **FAKTA UTAMA ANALISIS KEWANGAN AGENSI NEGERI**

<b>PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2018</b>	<b>Bilangan agensi negeri</b>	<b>21 akaun yang telah disahkan</b>
	<b>9</b> Badan Berkanun Negeri	<b>20</b> Pendapat Tanpa Teguran
	<b>12</b> Pihak Berkuasa Tempatan	<b>1</b> Pendapat Berteguran
	<b>1</b> Majlis Agama Islam	
<b>Badan Berkanun Negeri/Majlis Agama Islam</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>	<b>Cukai Taksiran</b>
<b>↓ RM18.36 juta</b> Lebihan Semasa	<b>↑ RM27.05 juta</b> Lebihan Semasa	<b>↑ RM2.46 juta</b> Semasa
<b>↓ RM25.31 juta</b> Aset Semasa Bersih	<b>↑ RM4.65 juta</b> Aset Semasa Bersih	<b>↑ RM3.19 juta</b> Tunggakan

#### **1. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

#### **2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

2.1. Pada tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap 22 penyata kewangan agensi bagi tahun 2018 untuk sembilan (9) BBN, satu (1) MAI dan 12 PBT. Kesemua BBN ditubuhkan mengikut Enakmen/Akta Tubuh Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam ditubuhkan di bawah Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 dan kesemua PBT ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

2.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi MAI dan satu (1) PBT manakala baki 20 penyata kewangan dilaksanakan oleh firma audit swasta yang dilantik. Pelantikan firma audit swasta ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa

kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

### **3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

3.1. Setakat 15 Oktober 2019, kesemua BBN, MAI dan PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk diaudit. Kesemua agensi telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2019. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	25.03.2019
2.	Perbadanan Stadium Kelantan	28.04.2019
3.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	29.04.2019
4.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	29.04.2019
5.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	30.04.2019
6.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	30.04.2019
7.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	30.04.2019
8.	Yayasan Islam Kelantan	30.04.2019
9.	Yayasan Kelantan Darulnaim	30.04.2019
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	30.04.2019
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Daerah Pasir Puteh	25.04.2019
2.	Majlis Daerah Tanah Merah	28.04.2019
3.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	29.04.2019
4.	Majlis Daerah Ketereh	30.04.2019
5.	Majlis Daerah Pasir Mas	30.04.2019
6.	Majlis Daerah Bachok	30.04.2019
7.	Majlis Daerah Tumpat	30.04.2019
8.	Majlis Daerah Dabong	30.04.2019
9.	Majlis Daerah Kuala Krai	30.04.2019
10.	Majlis Daerah Gua Musang	30.04.2019
11.	Majlis Daerah Jeli	30.04.2019
12.	Majlis Daerah Machang	30.04.2019

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh

agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengurus dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Laporan Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### **4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN**

4.1. *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) atau Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards (FRS)/Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)*.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts* 1969. Salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh Agensi bagi tahun kewangan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN**  
**OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)</i>	9
2.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)/Financial Reporting Standards (FRS)</i>	-
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	13
<b>JUMLAH</b>		<b>22</b>

Sumber : Penyata Kewangan Agensi

#### **5. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN**

5.1. Laporan Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*. ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Bolehubah.

### **5.1.1. Pendapat Tanpa Teguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan standard perakaunan yang berkenaan.

### **5.1.2. Pendapat Bolehubah**

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila juruaudit ingin menyatakan pendapat bolehubah seperti berikut:

#### **a. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit**

##### **i. Perenggan *Emphasis of Matter***

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

##### **ii. Perenggan Perkara Lain**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan yang pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

#### **b. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit**

##### **i. Pendapat Berteguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

## **ii. Pendapat Bertentangan**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat adalah material dan pervasif kepada pernyataan kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

## **iii. Penafian Pendapat**

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap pernyataan kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada pernyataan kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap pernyataan kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas pernyataan kewangan.

5.1.3. Setakat 15 Oktober 2019, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 21 pernyataan kewangan tahun 2018 iaitu sembilan (9) pernyataan kewangan BBN dan 12 pernyataan kewangan PBT. Pernyataan kewangan bagi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) masih belum disahkan. Sebanyak 21 daripada 22 pernyataan kewangan agensi negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diaudit dan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran kecuali bagi Perbadanan Menteri Besar Kelantan yang diberikan Pendapat Berteguran. Bilangan pernyataan kewangan mengikut jenis pendapat audit yang diberikan bagi tahun 2015 hingga 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**KEDUDUKAN PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI BAGI TEMPOH TAHUN 2015 HINGGA 2018**

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN			
		2015	2016	2017	2018
1.	Pendapat Tanpa Teguran	22	22	19	20
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	0	0	3	0
3.	Pendapat Berteguran	0	0	0	1
4.	Pendapat Bertentangan	0	0	0	0
5.	Penafian Pendapat	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>22</b>	<b>22</b>	<b>22</b>	<b>21</b>

Sumber: Pernyataan Kewangan Agensi Tahun 2015 – 2018

5.1.4. Satu (1) penyata kewangan BBN diberikan Pendapat Berteguran iaitu Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK). Asas kepada pendapat audit seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**PENYATA KEWANGAN PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN**  
**YANG DIBERIKAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

BIL.	ASAS KEPADA PENDAPAT BERTEGURAN
1.	<p><b>Tiada Pelunasan/Pelarasan ke atas Geran berjumlah RM4.64 juta</b></p> <p>MPERS 24 menyatakan geran Kerajaan perlu dilunaskan mengikut sifat dan apabila syarat geran telah dipenuhi. PMBK tidak membuat pelunasan ke atas baki geran untuk tujuan pelaburan, mengurus dan pembelian harta tanah berjumlah RM4.64 juta yang telah diterima antara tahun 1989 hingga 1999.</p>
2.	<p><b>Tiada Susut Nilai ke Atas Hartanah Pelaburan</b></p> <p>Hartanah pelaburan yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha tidak wajar secara berterusan, perlu dilaporkan pada nilai kos dan dibuat peruntukan susut nilai berdasarkan MPERS 17. Hartanah pelaburan PMBK berjumlah RM28.91 juta tidak dibuat peruntukan susut nilai. Susut nilai terkumpul bagi harta tanah pelaburan juga tidak dinyatakan kerana peruntukan susut nilai tidak pernah dikenakan ke atas harta tanah pelaburan.</p>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018.

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan Badan Berkanun Negeri telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Kesemua penyata kewangan tahun 2017 telah disahkan oleh Ketua Audit Negara.

6.2. Sebanyak 19 agensi telah membentangkan penyata kewangan tahun 2017 di DUN. Pembentangan bagi tiga (3) penyata agensi tidak perlu dibuat di DUN iaitu Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Majlis Sukan Negeri Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan berdasarkan Enakmen MAI dan Enakmen/Akta Tubuh BBN. Tarikh pembentangan bagi 19 penyata kewangan agensi tersebut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2017 YANG TELAH**  
**DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 15 OKTOBER 2019**

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	29.10.2018
2.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	29.10.2018

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
3.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat	29.10.2018
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	29.10.2018
5.	Yayasan Islam Kelantan	29.10.2018
6.	Yayasan Kelantan Darulnaim	29.10.2018
7.	Perbadanan Stadium Negeri Kelantan	29.10.2018
8.	Majlis Daerah Pasir Puteh	29.10.2018
9.	Majlis Daerah Tanah Merah	29.10.2018
10.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	29.10.2018
11.	Majlis Daerah Ketereh	29.10.2018
12.	Majlis Daerah Pasir Mas	29.10.2018
13.	Majlis Daerah Bachok	29.10.2018
14.	Majlis Daerah Tumpat	29.10.2018
15.	Majlis Daerah Dabong	29.10.2018
16.	Majlis Daerah Kuala Krai	29.10.2018
17.	Majlis Daerah Gua Musang	29.10.2018
18.	Majlis Daerah Jeli	29.10.2018
19.	Majlis Daerah Machang	29.10.2018

Sumber: Minit Persidangan Kali Ketiga Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kelantan Keempat Belas Tahun 2018

## 7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan hanya merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi Agensi. Analisis prestasi kewangan Agensi disediakan berdasarkan kesemua penyata kewangan Agensi bagi tahun 2018.

### 7.1. Analisis Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam

7.1.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 untuk sembilan (9) BBN dan MAI adalah memuaskan berdasarkan lebihan pendapatan terkumpul dan jumlah aset. Lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM24.35 juta atau 2.7% dan jumlah aset meningkat sejumlah RM128.42 juta atau 6.4%. Bagaimanapun, kedudukan aset semasa bersih menurun sejumlah RM25.31 juta atau 15.1% berbanding 2017. Bagi lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa juga didapati menurun sejumlah RM18.36 juta atau 45.3% berbanding 2017. Prestasi kewangan sembilan (9) BBN dan MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI/MAJLIS AGAMA**  
**ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

BIL.	PERKARA	2018	2017	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Lebihan Pendapatan Terkumpul	938.65	914.30	24.35	2.7
2.	Jumlah Aset	2,134.87	2,006.45	128.42	6.4
3.	Aset Semasa Bersih	142.66	167.97	-25.31	-15.1
4.	Lebihan Pendapatan Semasa	22.21	40.57	-18.36	-45.3

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

7.1.2. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, empat (4) BBN dan MAI mencatatkan lebihan manakala lima (5) BBN iaitu Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan, Perbadanan Stadium Kelantan, Majlis Sukan Negeri Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK)

mencatatkan defisit. Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) memperoleh lebihan paling tinggi berjumlah RM17.94 juta. Keuntungan atas penilaian semula hartanah pelaburan pada tahun semasa sejumlah RM66.76 juta menyumbang kepada kenaikan pendapatannya.

Jumlah pendapatan bagi 10 agensi

**RM555.41 juta**

Jumlah perbelanjaan bagi 10 agensi

**RM533.20 juta**

Lima (5) daripada 10 agensi  
mencatatkan lebihan pendapatan

7.1.3. Enam (6) BBN dan MAI mencatatkan aset semasa bersih manakala tiga (3) BBN mencatatkan liabiliti semasa bersih iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan YIK. Butiran terperinci prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**PRESTASI KEWANGAN BADAN BERKANUN NEGERI/**  
**MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

BIL.	AGENSI NEGERI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	LEBIHAN/DEFISIT	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET/ LIABILITI SEMASA BERSIH (f=d-e)
		(a) (RM Juta)	(b) (RM Juta)	(c=a-b) (RM Juta)	(d) (RM Juta)	(e) (RM Juta)	(f) (RM Juta)
1.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	87.61	69.67	17.94	82.89	25.49	57.40
2.	Yayasan Kelantan Darulhaim	34.44	33.57	0.87	59.88	17.85	42.03
3.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	242.13	230.51	11.62	79.69	41.03	38.66
4.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	2.57	6.41	-3.84	31.22	5.17	26.05

BIL.	AGENSI NEGERI	PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018		
		PENDAPATAN	PERBELANJAAN	LEBIHAN/ DEFISIT	ASET SEMASA	LIABILITI SEMASA	ASET / LIABILITI SEMASA BERSIH (f=d-e)
		(a) (RM Juta)	(b) (RM Juta)	(c=a-b) (RM Juta)	(d) (RM Juta)	(e) (RM Juta)	(f=d-e) (RM Juta)
5.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	4.81	3.86	0.95	4.95	0.32	4.63
6.	Perbadanan Stadium Kelantan	1.55	1.80	-0.25	2.74	0.31	2.43
7.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	1.77	4.15	-2.38	1.10	0	1.10
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	3.18	4.22	-1.04	0.87	0.87	0
9.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	42.59	37.28	5.31	147.28	160.93	-13.65
10.	Yayasan Islam Kelantan	134.76	141.73	-6.97	19.75	35.74	-15.99
<b>JUMLAH</b>		<b>555.41</b>	<b>533.20</b>	<b>22.21</b>	<b>430.37</b>	<b>287.71</b>	<b>142.66</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018

Jumlah aset

### RM2.135 bilion

Jumlah aset tertinggi iaitu Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

### RM679.78 juta

Peningkatan aset tertinggi iaitu Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

### RM57.48 juta

2018 berbanding 31 Disember 2017 iaitu sejumlah RM57.48 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh kenaikan jumlah harta tanah pelaburan sebanyak RM53.63 juta dan kenaikan Akaun Belum Terima sebanyak RM2.41 juta. Kedudukan aset pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 8**.

### 7.1.4. Analisis Aset

- a. Aset BBN dan MAI merupakan aset semasa dan aset bukan semasa yang terdiri daripada komponen utama seperti harta tanah, loji dan peralatan, pelaburan, penghutang dan wang tunai. Pada 31 Disember 2018, jumlah aset yang dimiliki oleh sembilan (9) BBN dan MAI adalah bernilai RM2.135 bilion berbanding RM2.006 bilion pada 31 Disember 2017 iaitu peningkatan sejumla RM128.43 juta atau 6.4%. Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan

**JADUAL 8**  
**KEDUDUKAN ASET BADAN BERKANUN NEGERI/MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	443.87	386.39	57.48	14.9
2.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	9.85	8.73	1.12	12.8
3.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	474.58	439.74	34.84	7.9
4.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	251.90	234.53	17.37	7.4
5.	Yayasan Islam Kelantan	73.83	69.49	4.34	6.2
6.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	679.78	663.77	16.01	2.4
7.	Yayasan Kelantan Darulnaim	122	121.93	0.07	0.1

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
8.	Perbadanan Stadium Kelantan	71.23	71.49	-0.26	-0.4
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	5.80	6.64	-0.84	-12.7
10.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	2.03	3.73	-1.70	-45.6
	<b>JUMLAH</b>	<b>2,134.87</b>	<b>2,006.44</b>	<b>128.43</b>	<b>6.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

b. Analisis Audit mendapati jumlah aset semasa bersih menurun sejumlah RM25.31 juta atau 15.1% iaitu RM142.66 juta pada tahun 2018 berbanding RM167.97 juta pada tahun 2017. Empat (4) BBN mencatatkan penurunan aset semasa bersih iaitu Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Majlis Sukan Negeri Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Liabiliti semasa bersih paling tinggi dicatatkan oleh PKINK kerana penurunan ketara dalam pengurangan hutang oleh syarikat subsidiari iaitu RM22.88 juta, peningkatan pembiayaan Kerajaan Persekutuan iaitu RM9.95 juta dan peningkatan overdraf berjumlah RM5.68 juta. Kedudukan aset/liabiliti semasa bersih BBN/MAI pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**KEDUDUKAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH BADAN BERKANUN**  
**NEGERI/MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

BIL.	PERKARA	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	38.66	23.70	14.96	63.1
2.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	4.63	3.63	1.00	27.5
3.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	26.05	21.33	4.72	22.1
4.	Yayasan Islam Kelantan	-15.99	-18.34	2.35	12.8
5.	Yayasan Kelantan Darulnaim	42.03	38.84	3.19	8.2
6.	Perbadanan Stadium Kelantan	2.43	2.41	0.02	0.8
7.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	57.40	75.10	-17.70	-23.6
8.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	1.10	2.63	-1.53	-58.2
9.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	0	0.87	-0.87	-100
10.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	-13.65	17.80	-31.45	-176.7
	<b>JUMLAH</b>	<b>142.66</b>	<b>167.97</b>	<b>-25.31</b>	<b>-15.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

### 7.1.5. Analisis Pelaburan

Pelaburan bagi tujuh (7) BBN dan MAI terdiri daripada pelaburan dalam syarikat subsidiari, pelaburan dalam syarikat bersekutu, pelaburan harta tanah, pelaburan saham tersiar harga, pelaburan projek usaha sama dan lain-lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan meningkat sejumlah RM70.97 juta atau 7% iaitu RM1.083 bilion pada tahun 2018 berbanding RM1.012 bilion pada tahun 2017. Pelaburan anak syarikat Yayasan Kelantan Darulnaim meningkat sejumlah RM3.96 juta manakala pelaburan bagi anak syarikat PMBK menurun sejumlah RM30.8 juta. Bagi pelaburan lain pula, PMBK dan Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat mencatatkan peningkatan masing-masing berjumlah RM64.73 juta dan RM53.63 juta. Kedudukan pelaburan BBN/MAI pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**KEDUDUKAN PELABURAN BADAN BERKANUN NEGERI/  
MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

BIL.	AGENSI NEGERI	SYARIKAT SUBSIDIARI (RM Juta)		SYARIKAT BERSEKUTU (RM Juta)		LAIN-LAIN (RM Juta)		JUMLAH (RM Juta)	
		2018	2017	2018	2017	2018	2017	2018	2017
1.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	9.15	9.15	0	0	400.65	347.02	409.80	356.17
2.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	257.66	258.76	8.40	8.40	83.58	93.21	349.64	360.37
3.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	58.90	89.70	0	0	106.22	41.49	165.12	131.19
4.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	1.45	1.45	0	0	103.05	107.73	104.50	109.18
5.	Yayasan Kelantan Darulhaim	4.74	0.78	3.36	3.25	43.44	49.48	51.54	53.51
6.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	0	0	0	0	1.20	1.22	1.20	1.22
7.	Yayasan Islam Kelantan	1	0.15	0	0	0.07	0.09	1.07	0.24
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	0	0	0	0	0.46	0.48	0.46	0.48
<b>JUMLAH</b>		<b>332.90</b>	<b>359.99</b>	<b>11.76</b>	<b>11.65</b>	<b>738.67</b>	<b>640.72</b>	<b>1,083.33</b>	<b>1,012.36</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

### 7.1.6. Analisis Liabiliti

Liabiliti terdiri daripada tanggungan semasa dan jangka panjang dengan komponen utama seperti pinjaman, pembiutang, deposit dan pendahuluan. Jumlah liabiliti bagi sembilan (9) BBN dan MAI meningkat sejumlah RM41.73 juta atau 6.2% iaitu RM716.15 juta pada 31 Disember 2018 berbanding RM674.42 juta pada 31 Disember 2017. Empat (4) BBN dan MAI mencatatkan peningkatan liabiliti iaitu

Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, YIK dan PKINK. Analisis Audit mendapati Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan mencatatkan peningkatan liabiliti paling tinggi sejumlah RM19.52 juta melibatkan peningkatan pelbagai pembiutang. Kedudukan liabiliti BBN/MAI adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**KEDUDUKAN LIABILITI BADAN BERKANUN NEGERI/  
MAJLIS AGAMA ISLAM PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

BIL.	AGENSI NEGERI	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	41.03	21.51	19.52	90.7
2.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	0.87	0.68	0.19	27.9
3.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	0.59	0.47	0.12	25.5
4.	Yayasan Islam Kelantan	61.44	50.02	11.42	22.8
5.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	424.48	411.55	12.93	3.1
6.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	157.03	157.61	-0.58	-0.4
7.	Perbadanan Stadium Kelantan	1.72	1.74	-0.02	-1.1
8.	Yayasan Kelantan Darulnaim	20.57	21.45	-0.88	-4.1
9.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	8.42	9.39	-0.97	-10.3
10.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>716.15</b>	<b>674.42</b>	<b>41.73</b>	<b>6.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018 dan 2017

### 7.1.7. Analisis Nisbah

- Nisbah semasa digunakan untuk menentukan sejauh mana agensi mampu membayar hutang jangka pendek sekiranya aset semasa dicairkan. Pada umumnya, semakin tinggi nisbah semakin baik kecairan aset semasa sesebuah agensi. Analisis Audit mendapati nisbah semasa bagi dua (2) BBN iaitu Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) adalah kurang daripada satu (1) disebabkan liabiliti semasa yang tinggi. Antara liabiliti semasa PKINK ialah pinjaman kerajaan pusat berjumlah RM103.43 juta, overdraf berjumlah RM21.13 juta, pelbagai pembiutang berjumlah RM20.11 juta dan pinjaman kerajaan negeri berjumlah RM11.66 juta. Liabiliti semasa YIK pula adalah pinjaman daripada kerajaan negeri berjumlah RM12 juta serta pelbagai pembiutang dan terakru berjumlah RM11.44 juta.
- Nisbah hutang mengukur peratus dana yang dibiayai oleh sumber selain ekuiti dan kemampuan agensi memenuhi obligasi kepada pembiutang. Analisis Audit mendapati nisbah hutang bagi BBN dan MAI adalah memuaskan kerana nisbah berkenaan kurang daripada 100% bagi kesemua agensi. Bagi dua (2) BBN iaitu Majlis Sukan Negeri Kelantan dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri

Kelantan serta Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) tiada tanggungan jangka panjang. Tiga (3) BBN mencatatkan nisbah hutang melebihi 50% iaitu Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan adalah disebabkan oleh jumlah pinjaman yang tinggi daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, institusi kewangan dan juga lain-lain pembiutang. Analisis kecairan dan kestabilan sembilan (9) BBN dan MAI bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**ANALISIS KECAIRAN DAN KESTABILAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI/MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN 2018**

BIL.	AGENSI NEGERI	NISBAH SEMASA	NISBAH CEPAT	MODAL KERJA	ALIRAN TUNAI BERSIH	NISBAH HUTANG
				(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Sukan Negeri Kelantan	197.15	197.15	1.10	1.10	0.3
2.	Perbadanan Muzium Negeri Kelantan	15.58	14.88	4.63	4.61	9.1
3.	Perbadanan Stadium Kelantan	8.65	8.65	2.43	1.42	0.4
4.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan	6.04	6.04	26.05	20.21	1.9
5.	Yayasan Kelantan Darulnaim	3.35	3.35	42.03	35.36	16.9
6.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	3.25	3.02	57.40	12.46	62.3
7.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	1.94	1.94	38.66	64.75	8.6
8.	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan	1	1	0	0.79	15
9.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	0.92	0.73	-13.65	-17.72	62.4
10.	Yayasan Islam Kelantan	0.55	0.55	-15.99	6.82	71.4

Sumber: Penyata Kewangan BBN dan MAI Tahun 2018

### 7.1.8. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri dan Majlis Agama Islam

#### a. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Pada tahun 2018, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melabur sejumlah RM266.06 juta dalam 21 syarikat; Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) melabur sejumlah RM58.90 juta dalam 12 syarikat; Yayasan Kelantan Darulnaim melabur sejumlah RM8.10 juta dalam 12 syarikat; Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan melabur sejumlah RM9.15 juta dalam satu (1) syarikat; Yayasan Islam Kelantan (YIK) melabur sejumlah RM1 juta dalam satu (1) syarikat dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) melabur sejumlah RM1.47 juta dalam dua (2) anak syarikat. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh BBN/MAI adalah seperti dalam **Jadual 13**.

Jumlah pelaburan bagi 49 anak syarikat

**RM344.68 juta**

Jumlah pelaburan tertinggi PKINK ke atas 21 anak syarikat

**RM266.06 juta**

**JADUAL 13**  
**ANALISIS PELABURAN PADA KOS DALAM ANAK**  
**SYARIKAT DAN SYARIKAT BERSEKUTU PADA 31 DISEMBER 2018**

PERKARA	BADAN BERKANUN/MAJLIS AGAMA ISLAM						JUMLAH
	PKINK	PMBK	YAKIN	PPLRNK	YIK	MAIK	
Anak Syarikat (100%)	16	10	2	1	1	2	32
Anak Syarikat (>50%)	1	0	1	0	0	0	2
Syarikat Bersekutu (<50%)	4	2	9	0	0	0	15
<b>JUMLAH SYARIKAT</b>	<b>21</b>	<b>12</b>	<b>12</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>2</b>	<b>49</b>
<b>PELABURAN (RM Juta)</b>	<b>266.06</b>	<b>58.90</b>	<b>8.10</b>	<b>9.15</b>	<b>1</b>	<b>1.47</b>	<b>344.68</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018

### b. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati lima (5) BBN memiliki ekuiti melebihi 50% dalam 32 anak syarikat yang berstatus aktif, manakala MAI memiliki ekuiti melebihi 50% dalam dua (2) anak syarikat yang masing-masing berstatus satu (1) aktif dan satu (1) dorman. PKINK mempunyai bilangan anak syarikat paling banyak iaitu 17 syarikat. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dorman adalah seperti dalam **Jadual 14.**

**JADUAL 14**  
**BILANGAN ANAK SYARIKAT YANG AKTIF DAN DORMAN BAGI TAHUN 2018**

BIL.	BBN/MAI	BILANGAN ANAK SYARIKAT (Ekuiti Lebih Daripada 50%)		
		STATUS AKTIF	STATUS DORMAN	JUMLAH SYARIKAT
1.	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	17	0	17
2.	Perbadanan Menteri Besar Kelantan	10	0	10
3.	Yayasan Kelantan Darulnaim	3	0	3
4.	Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat	1	0	1
5.	Yayasan Islam Kelantan	1	0	1
6.	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	1	1	2
<b>JUMLAH</b>		<b>33</b>	<b>1</b>	<b>34</b>

Sumber: Penyata Kewangan BBN/MAI Tahun 2018

### c. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Anak Syarikat

Pada 31 Disember 2018, sebanyak 14 anak syarikat yang aktif di bawah enam (6) BBN/MAI mempunyai keuntungan terkumpul secara keseluruhan berjumlah RM95.38 juta. Bagi kerugian terkumpul, analisis Audit mendapati 18 anak syarikat BBN dan dua (2) anak syarikat MAI mempunyai kerugian terkumpul keseluruhan berjumlah RM77.10 juta. Antara anak syarikat yang mencatatkan keuntungan terkumpul tertinggi adalah anak syarikat kepada Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) iaitu PMBK Development Sdn. Bhd. berjumlah RM6.16 juta dan empat (4) anak syarikat kepada Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) iaitu Permodalan Kelantan Berhad berjumlah

RM20.84 juta, Binaraya PKINK Sdn. Bhd. berjumlah RM18.90 juta, SPP Development Sdn. Bhd. berjumlah RM13.68 juta dan PKINK Bina Sdn. Bhd. berjumlah RM12.06 juta. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat BBN dan MAI bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**ANALISIS KEUNTUNGAN/KERUGIAN**  
**TERKUMPUL ANAK SYARIKAT BADAN BERKANUN**  
**NEGERI DAN MAJLIS AGAMA ISLAM BAGI TAHUN 2018**

BIL.	BBN	KEUNTUNGAN TERKUMPUL		KERUGIAN TERKUMPUL		KEUNTUNGAN/KERUGIAN TERKUMPUL BERSIH (RM Juta)
		BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	BIL. ANAK SYARIKAT	JUMLAH (RM Juta)	
1.	PKINK	9	76.76	8	30.35	46.41
2.	YAKIN	1	11.94	2	1.20	10.74
3.	YIK	0	0	1	0.02	-0.02
4.	MAIK	0	0	2	1.31	-1.31
5.	PPLRNK	0	0	1	3.73	-3.73
6.	PMBK	4	6.68	6	40.49	-33.81
<b>JUMLAH</b>		<b>14</b>	<b>95.38</b>	<b>20</b>	<b>77.10</b>	<b>18.28</b>

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat BBN/MAI Tahun 2018

## 7.2. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

7.2.1. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Kelantan terdiri daripada satu (1) Majlis Perbandaran dan 11 Majlis Daerah. Analisis prestasi kewangan PBT bagi tahun 2018 adalah berdasarkan kepada 12 penyata kewangan yang telah dikemukakan untuk diaudit iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam, Majlis Daerah Gua Musang, Majlis Daerah Pasir Mas, Majlis Daerah Pasir Puteh, Majlis Daerah Tanah Merah, Majlis Daerah Ketereh, Majlis Daerah Kuala Krai, Majlis Daerah Tumpat, Majlis Daerah Machang, Majlis Daerah Bachok, Majlis Daerah Jeli dan Majlis Daerah Dabong. Analisis prestasi kewangan PBT tahun 2018 pula adalah berdasarkan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

7.2.2. Sehingga 15 Oktober 2019, penyata kewangan tahun 2018 bagi 12 PBT telah diaudit. Kedudukan prestasi penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN PIHK**  
**BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

BIL.	PIHK BERKUASA TEMPATAN	PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31.12.2018			PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31.12.2018		
		PENDAPATAN (a)	PERBELANJAAN (b)	LEBIHAN/ DEFISIT (c=a-b)	ASET SEMASA (d)	LIABILITI SEMASA (e)	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH (f=d-e)
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)
1.	Majlis Daerah Pasir Mas	15.35	15.13	0.22	17.12	6.62	10.50
2.	Majlis Daerah Pasir Puteh	10.89	12.10	-1.21	11.51	3.69	7.82
3.	Majlis Daerah Machang	7.05	6.89	0.16	8.60	1.22	7.38
4.	Majlis Daerah Gua Musang	12.41	9.32	3.09	10.33	3.14	7.19
5.	Majlis Daerah Bachok	6.91	5.44	1.47	8.26	1.38	6.88
6.	Majlis Daerah Kuala Krai	7.70	7.78	-0.08	8.06	2.50	5.56
7.	Majlis Daerah Tumpat	39.42	13.37	26.05	8.09	3.90	4.19
8.	Majlis Daerah Ketereh	11.73	10.29	1.44	5.18	1.01	4.17
9.	Majlis Daerah Dabong	3.76	2.50	1.26	3.25	0.70	2.55
10.	Majlis Daerah Jeli	4.47	4.45	0.02	2.54	0.55	1.99
11.	Majlis Daerah Tanah Merah	19.42	12.42	7.00	4.56	4.90	-0.34
12.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	71.59	73.92	-2.33	27.56	36.04	-8.48
<b>JUMLAH</b>		<b>210.70</b>	<b>173.61</b>	<b>37.09</b>	<b>115.06</b>	<b>65.65</b>	<b>49.41</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

7.2.3. Pada keseluruhannya, prestasi kewangan PBT tahun 2018 adalah baik yang mana sembilan (9) PBT mencatatkan lebihan dan tiga (3) PBT mencatatkan defisit. Aset semasa bersih dan kutipan hasil cukai taksiran keseluruhan PBT masing-masing meningkat sejumlah RM4.65 juta dan RM2.46 juta diimbangi dengan peningkatan lebihan sejumlah RM27.05 juta dan peningkatan tunggakan cukai taksiran sejumlah RM3.19 juta.

Peningkatan Lebihan  
keseluruhan PBT tahun 2018  
berbanding tahun 2017

**RM27.05 juta**

Peningkatan lebihan paling tinggi adalah Majlis Daerah Tumpat

**RM26.05 juta**

Hasil daripada sumbangan dan bayaran balik projek usaha sama tahun semasa

#### **7.2.4. Lebihan/Defisit Semasa**

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, sebanyak sembilan (9) PBT mencatatkan lebihan dan tiga (3) PBT mencatatkan defisit. Peningkatan ini disumbangkan oleh lebihan tahun 2018 berjumlah RM37.09 juta berbanding lebihan tahun 2017 berjumlah RM10.04 juta. Analisis lebihan/defisit semasa menunjukkan lebihan keseluruhan PBT pada tahun 2018 meningkat sejumlah RM27.05 juta atau 269.4% berbanding

tahun 2017. Pada tahun 2018, prestasi kewangan Majlis Daerah Tumpat mencatatkan lebihan paling tinggi sejumlah RM26.05 juta dengan peningkatan sejumlah RM25.55 juta berbanding RM0.50 juta pada tahun 2017. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh meningkatnya sumbangan dan bayaran balik projek usaha sama sejumlah RM7.89 juta dan keuntungan atas penilaian semula harta tanah sejumlah RM9.64 juta pada tahun 2018. Kedudukan perubahan lebihan/defisit PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 17.**

**JADUAL 17**  
**KEDUDUKAN PERUBAHAN LEBIHAN/DEFISIT**  
**SEMASA BAGI PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI**  
**TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018	2017	PERUBAHAN	
		LEBIHAN/ DEFISIT	LEBIHAN/ DEFISIT		
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Bachok	1.47	0.02	1.45	7,250
2.	Majlis Daerah Tumpat	26.05	0.50	25.55	5,110
3.	Majlis Daerah Ketereh	1.44	0.05	1.39	2,780
4.	Majlis Daerah Dabong	1.26	0.10	1.16	1,160
5.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	-2.33	-7.54	5.21	69.1
6.	Majlis Daerah Tanah Merah	7.00	4.35	2.65	60.9
7.	Majlis Daerah Gua Musang	3.09	2.49	0.60	24.1
8.	Majlis Daerah Jeli	0.02	0.10	-0.08	-80.0
9.	Majlis Daerah Pasir Mas	0.22	1.55	-1.33	-85.8
10.	Majlis Daerah Machang	0.16	2.10	-1.94	-92.4
11.	Majlis Daerah Kuala Krai	-0.07	4.28	-4.35	-101.6
12.	Majlis Daerah Pasir Puteh	-1.22	2.04	-3.26	-159.8
<b>JUMLAH</b>		<b>37.09</b>	<b>10.04</b>	<b>27.05</b>	<b>269.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

### 7.2.5. Aset/Liabiliti Semasa Bersih

Peningkatan Aset Semasa Bersih berbanding tahun 2017

**RM4.65 juta**

Peningkatan Aset Semasa Bersih Tertinggi ialah Majlis Daerah Gua Musang

**RM4.07 juta**

Pinjaman jangka pendek dijelaskan berjumlah RM2.0 juta

Pada 31 Disember 2018, 10 PBT mempunyai aset semasa melebihi liabiliti semasa. Keseluruhan aset semasa bersih PBT berjumlah RM49.41 juta berbanding tahun 2017 berjumlah RM44.76 juta iaitu peningkatan aset semasa bersih sejumlah RM4.65 juta atau 10.4%. Sebanyak enam (6) PBT mencatat peningkatan aset semasa bersih manakala enam (6) PBT lagi mencatat penurunan. Majlis Daerah Gua Musang (MDGM) mencatatkan peratusan peningkatan paling tinggi iaitu RM4.07 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh penurunan jumlah liabiliti semasa MDGM kerana agensi telah menjelaskan pinjaman jangka pendek berjumlah RM2 juta pada tahun 2018.

Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam mencatat penurunan ketara aset semasa sejumlah RM1.80 juta disebabkan penurunan deposit tetap di institusi kewangan berjumlah RM10.10 juta. Kedudukan perubahan aset/liabiliti semasa bersih pada 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**KEDUDUKAN PERUBAHAN ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH PIHAK BERKUASA TEMPATAN PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TAHUN 2018	TAHUN 2017	PERUBAHAN	
		ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH	ASET/LIABILITI SEMASA BERSIH	(RM Juta)	%
		(RM Juta)	(RM Juta)		
1.	Majlis Daerah Pasir Mas	10.50	9.49	1.01	10.6
2.	Majlis Daerah Pasir Puteh	7.82	9	-1.18	-13.1
3.	Majlis Daerah Machang	7.38	7.03	0.35	5
4.	Majlis Daerah Gua Musang	7.18	3.11	4.07	130.9
5.	Majlis Daerah Bachok	6.88	4.18	2.70	64.6
6.	Majlis Daerah Kuala Krai	5.56	6.28	-0.72	-11.5
7.	Majlis Daerah Tumpat	4.19	4.57	-0.38	-8.3
8.	Majlis Daerah Ketereh	4.18	2.63	1.55	58.9
9.	Majlis Daerah Dabong	2.55	1.85	0.70	37.8
10.	Majlis Daerah Jeli	1.99	2.52	-0.53	-21
11.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	-0.34	0.78	-1.12	-143.6
12.	Majlis Daerah Tanah Merah	-8.48	-6.68	-1.80	-26.9
<b>JUMLAH</b>		<b>49.41</b>	<b>44.76</b>	<b>4.65</b>	<b>10.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

### 7.2.6. Kutipan Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran PBT mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Cukai taksiran merupakan penyumbang utama kepada pendapatan PBT. Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan seperti rumah kediaman, harta perdagangan dan tanah. Harta perdagangan yang dikenakan cukai taksiran adalah seperti kedai, kilang, hotel dan sebagainya yang beroperasi di kawasan PBT. Caruman Bantu Kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik Kerajaan. Pada tahun 2018, kutipan cukai taksiran berjumlah RM63.83 juta meningkat sejumlah RM2.46 juta atau 4% berbanding tahun 2017. Kedudukan

Jumlah kutipan cukai taksiran bagi tahun 2018

**RM63.83 juta**

Jumlah kutipan cukai taksiran bagi tahun 2017

**RM61.37 juta**

Peningkatan kutipan cukai taksiran

**RM2.46 juta (4%)**

kutipan cukai taksiran bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Machang	1.26	0.90	0.36	40
2.	Majlis Daerah Tanah Merah	3.41	2.94	0.47	16
3.	Majlis Daerah Kuala Krai	2.65	2.38	0.27	11.3
4.	Majlis Daerah Gua Musang	5.31	5.01	0.30	6
5.	Majlis Daerah Pasir Mas	2.69	2.44	0.25	10.2
6.	Majlis Daerah Jeli	1.09	1.05	0.04	3.8
7.	Majlis Daerah Ketereh	2.62	2.54	0.08	3.1
8.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	36.52	35.86	0.66	1.8
9.	Majlis Daerah Pasir Puteh	3.17	3.13	0.04	1.3
10.	Majlis Daerah Tumpat	2.94	2.94	0	0
11.	Majlis Daerah Bachok	1.13	1.13	0	0
12.	Majlis Daerah Dabong	1.04	1.05	-0.01	-1.0
<b>JUMLAH</b>		<b>63.83</b>	<b>61.37</b>	<b>2.46</b>	<b>4</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

### 7.2.7. Tunggakan Cukai Taksiran

Pada akhir tahun 2018, tunggakan cukai taksiran berjumlah RM47.62 juta meningkat sejumlah RM3.19 juta atau 7.2% berbanding tahun 2017 yang berjumlah RM44.43 juta. Sebanyak 10 daripada 12 PBT telah mencatatkan peningkatan tunggakan manakala dua (2) PBT mencatatkan penurunan. Antara sebab peningkatan tunggakan hasil cukai taksiran ialah kurang kesedaran oleh pembayar cukai walaupun tindakan proaktif telah diambil oleh PBT dengan menghantar notis cukai. Kedudukan tunggakan cukai taksiran bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan 31 Disember 2017 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

Tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2018

**RM47.62 juta**

Tunggakan cukai taksiran bagi tahun 2017

**RM44.43 juta**

Peningkatan

**RM3.19 juta (7.2%)**

**JADUAL 20**  
**TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN PADA 31 DISEMBER 2018 DAN 31 DISEMBER 2017**

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Jeli	0.26	0.12	0.14	116.7
2.	Majlis Daerah Tanah Merah	1.85	1.34	0.51	38.1
3.	Majlis Daerah Tumpat	2.77	2.15	0.62	28.8
4.	Majlis Daerah Kuala Krai	2.52	2.08	0.44	21.2

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	2018 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
5.	Majlis Daerah Dabong	0.96	0.86	0.10	11.6
6.	Majlis Daerah Pasir Mas	5.10	4.29	0.81	18.9
7.	Majlis Daerah Ketereh	2.64	2.44	0.20	8.2
8.	Majlis Daerah Machang	4.91	4.73	0.18	3.8
9.	Majlis Daerah Bachok	2.53	2.46	0.07	2.8
10.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	16.88	16.44	0.44	2.7
11.	Majlis Daerah Gua Musang	1.77	1.84	-0.07	-3.8
12.	Majlis Daerah Pasir Puteh	5.43	5.68	-0.25	-4.4
<b>JUMLAH</b>		<b>47.62</b>	<b>44.43</b>	<b>3.19</b>	<b>7.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018 dan 2017

### 7.2.8. Tuggakan Cukai Taksiran Berbanding Jumlah Pendapatan

- a. Berdasarkan penyata kewangan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, pendapatan keseluruhan PBT adalah berjumlah RM210.70 juta berbanding tuggakan cukai taksiran keseluruhan berjumlah RM47.62 juta. Sekiranya jumlah tuggakan cukai taksiran ini dapat dikutip, pendapatan keseluruhan PBT akan meningkat kepada RM258.32 juta. Semua PBT perlu meningkatkan lagi usaha untuk mengutip tuggakan cukai taksiran. Tuggakan cukai taksiran berbanding pendapatan bagi tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

**JADUAL 21**  
**TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BERBANDING**  
**PENDAPATAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN 2018**

BIL.	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM Juta)	PENDAPATAN (RM Juta)	TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN BERBANDING PENDAPATAN (%)	
				(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Daerah Machang	4.91	7.05	69.6	
2.	Majlis Daerah Pasir Puteh	5.43	10.89	49.9	
3.	Majlis Daerah Bachok	2.53	6.91	36.6	
4.	Majlis Daerah Kuala Krai	2.52	7.70	32.7	
5.	Majlis Daerah Pasir Mas	5.10	15.35	33.2	
6.	Majlis Daerah Dabong	0.96	3.76	25.5	
7.	Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam	16.88	71.59	23.6	
8.	Majlis Daerah Ketereh	2.64	11.73	22.5	
9.	Majlis Daerah Tumpat	2.77	39.42	7	
10.	Majlis Daerah Gua Musang	1.77	12.41	14.3	
11.	Majlis Daerah Tanah Merah	1.85	19.42	9.5	
12.	Majlis Daerah Jeli	0.26	4.47	5.8	
<b>JUMLAH</b>		<b>47.62</b>	<b>210.70</b>	<b>22.6</b>	

Sumber: Penyata Kewangan PBT Tahun 2018

- b. Perbandingan antara tunggakan cukai taksiran dan pendapatan tahun 2018 mendapati peratus tunggakan cukai taksiran Majlis Daerah Machang adalah paling tinggi iaitu 69.9%. Majlis Daerah Jeli pula mencatatkan perbandingan antara tunggakan cukai taksiran dan pendapatan tahun 2018 yang paling rendah iaitu 5.8%.

## **8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREAS*)**

Bermula tahun 2019, Jabatan Audit Negara melaporkan aktiviti yang signifikan dan mempunyai impak hasil daripada pengauditan *key audit areas* yang melibatkan lima (5) kriteria iaitu penyaluran dan penggunaan geran pembangunan, pinjaman diterima, cukai taksiran/agihan zakat, perolehan artifik serta pelaburan/pinjaman diberi.

### **8.1. Geran Pembangunan**

8.1.1. Geran Pembangunan kepada agensi adalah sumber daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Geran Pembangunan yang disalurkan perlu dibelanjakan mengikut tujuan, syarat dan sekatan (*performance obligation*) yang ditetapkan. Geran Pembangunan hendaklah diambil kira sebagai liabiliti dan pelunasan terhadap Geran Pembangunan perlu dibuat apabila *performance obligation* telah tercapai serta perlu diakaunkan dengan tepat dan betul dalam penyata kewangan agensi.

8.1.2. Semakan Audit mendapati terimaan berkaitan dengan Geran Pembangunan Kerajaan telah dipersembahkan mengikut kaedah pendapatan (*income approach*) dan diambil kira di dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi dua (2) agensi iaitu Majlis Daerah Tumpat (MDT) dan Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM). Geran Pembangunan ini adalah bersyarat dan pihak agensi hanyalah bertindak sebagai ejen pembayar sahaja, semua terimaan dan pembayaran daripada geran ini seharusnya diambil kira sebagai satu liabiliti bukan semasa dan tidak dipersembahkan di dalam Penyata Prestasi Kewangan Agensi. MDT dan MDPM telah mengakaunkan geran pembangunan sebagai pendapatan masing-masing berjumlah RM1.03 juta dan RM1.77 juta. Bagaimanapun, keseluruhan geran pembangunan ini telah diterima dan dilunaskan dalam tahun semasa serta tidak memberi kesan kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018. Jumlah geran pembangunan bagi dua (2) agensi tersebut adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP PENGAUDITAN GERAN PEMBANGUNAN**

<b>BIL.</b>	<b>AGENSI</b>	<b>JUMLAH GERAN PEMBANGUNAN (RM Juta)</b>
1.	Majlis Daerah Tumpat	1.03
2.	Majlis Daerah Pasir Mas	1.77

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

## 8.2. Pinjaman Diterima

8.2.1. Agensi mempunyai kuasa untuk membuat pinjaman seperti mana yang ditetapkan mengikut Akta Tubuh, Enakmen dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Tujuan pinjaman, jumlah pinjaman, tempoh bayaran balik dan faedah perlu dinyatakan dengan jelas di dalam perjanjian yang diluluskan dan hendaklah diakaunkan dengan tepat.

8.2.2. Secara keseluruhannya lapan (8) BBN telah mematuhi peraturan dan syarat-syarat berkaitan pinjaman kecuali Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Penemuan Audit berkaitan pinjaman diterima bagi PKINK pada tahun 2018 seperti dalam **Jadual 23**.

**JADUAL 23**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP PENGAUDITAN PINJAMAN**  
**DITERIMA BAGI PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN (PKINK)**

BIL.	PENEMUAN AUDIT
1.	<b>Jumlah Pembayaran Balik Pinjaman Bank RM161,829.08 Tersalah Rekod</b> Pembayaran balik pinjaman telah tersalah rekod sebanyak RM161,829.08 sebagai faedah overdraf bagi bulan September hingga November 2018.
2.	<b>Faedah Terakru Pinjaman RM27,519 Tidak Direkodkan</b> PKINK menerima pembiayaan berjumlah RM1.30 juta daripada anak syarikat iaitu Infra Quest Sdn. Bhd. (IQSB) bagi tujuan menampung pembiayaan kewangan kepada anak syarikat yang lain dalam kumpulan PKINK. Berdasarkan perjanjian bertarikh 9 Julai 2017, bayaran balik pinjaman adalah berjumlah RM1.49 juta termasuk faedah pinjaman berjumlah RM192,633 bagi tempoh tujuh (7) tahun. Bayaran balik secara bulanan adalah berjumlah RM17,769 atau RM213,223 setahun. Pada tahun 2018, pihak pengurusan tidak merekodkan faedah terakru sejumlah RM27,519 dalam penyata kewangan kerana tiada pembayaran bagi pinjaman tersebut dibuat oleh PKINK kepada IQSB.

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

## 8.3. Cukai Taksiran

Pengauditan yang dijalankan terhadap pengurusan cukai taksiran bagi 12 PBT mendapati tiga (3) isu berkaitan telah dibangkitkan. Penemuan Audit terhadap pengauditan cukai taksiran seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP PENGAUDITAN CUKAI TAKSIRAN**

BIL.	PENEMUAN AUDIT	AGENSI YANG TERLIBAT
1.	<b>Penghutang Cukai Pintu Berbaki Negatif</b> Analisa pengumuran tunggakan cukai pintu mendapati penghutang cukai yang berbaki negatif berjumlah RM1,334.	Majlis Daerah Jeli
2.	<b>Perbezaan Antara Lejar Dengan Penyata Individu</b> Ujian pengesahan terhadap dokumen sokongan penghutang cukai taksiran mendapati perbezaan antara lejar dengan penyata individu bagi satu (1) akaun berjumlah RM7,342. Ini disebabkan tiada penyesuaian dibuat ke atas perbezaan antara lejar dengan penyata individu tersebut.	Majlis Daerah Pasir Mas

BIL.	PENEMUAN AUDIT	AGENSI YANG TERLIBAT
3.	<p><b>Tiada Peruntukan Hutang Ragu Dibuat Bagi Penghutang Cukai Taksiran yang Telah Dibubarkan</b></p> <p>Ladang SKKPPJ (Tanah Merah) merupakan penghutang cukai taksiran bagi Majlis Daerah Dabong. Penghutang ladang ini telah dibubarkan pada tahun 2017 oleh pemutang iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri. Majlis Daerah Dabong tidak membuat peruntukan hutang rugu ke atas penghutang ladang tersebut yang berjumlah RM74,600 dan masih mengenakan cukai taksiran tahun semasa kepada Ladang SKKPPJ ini.</p>	Majlis Daerah Dabong

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

#### 8.4. Saham Tersiar Harga dan Saham Tidak Tersiar Harga

Agensi mempunyai kuasa untuk membuat pelaburan seperti mana yang ditetapkan mengikut Akta Tubuh, Enakmen dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan juga garis panduan agensi. Bagi memastikan pelaburan diakaunkan dengan tepat, perkara yang perlu dinyatakan dengan jelas adalah berkenaan jumlah, tujuan, kaedah pengiktirafan, jawatankuasa, pengurus dana, polisi rosot nilai dan faedah ke atas keuntungan pelaburan. Penemuan Audit berkaitan saham tersiar harga dan saham tidak tersiar harga adalah seperti dalam **Jadual 25**.

**JADUAL 25**  
**PENEMUAN AUDIT TERHADAP SAHAM**  
**TERSIAR HARGA DAN SAHAM TAK TERSIAR HARGA BAGI**  
**PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN (PKINK)**

BIL.	PENEMUAN AUDIT
1.	<p><b>Nota Kepada Penyata Kewangan Tidak Mengasingkan Jumlah Saham Tersiar Harga dan Saham Tidak Tersiar Harga</b></p> <p>PKINK tidak mengasingkan jumlah saham tersiar harga dan saham tidak tersiar harga di dalam Nota 9 – Lain-lain Pelaburan dengan jumlah keseluruhan RM2.05 juta.</p>
2.	<p><b>Peruntukan Rosot Nilai Pelaburan Tidak Diakaunkan Dengan Tepat</b></p> <p>Peruntukan rosot nilai pelaburan bagi Maju Perak Holdings berjumlah RM2,979 telah didebitkan ke akaun peruntukan rosot nilai pelaburan dan dikreditkan ke akaun kos saham. Jumlah tersebut sepatutnya didebitkan ke akaun rosot nilai pelaburan dan dikreditkan ke peruntukan rosot nilai pelaburan.</p>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2018

#### 8.5. Pinjaman Kepada Kakitangan

8.5.1. Pinjaman kepada kakitangan adalah dibenarkan oleh Pihak Berkuasa/Akta Tubuh Agensi dengan mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Melulus setelah mengenal pasti *due diligence* dan penilaian risiko dilaksanakan. Kaedah pengiktirafan yang diguna pakai hendaklah bertepatan dengan piawaian perakaunan dan diakaunkan dengan benar dan saksama.

8.5.2. Semakan Audit terhadap pinjaman kepada kakitangan iaitu pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan mendapati perbezaan baki Akaun Bank Pinjaman

Komputer dan Kenderaan dengan baki Lejar Kumpulan Wang Pinjaman Komputer dan Kenderaan di Majlis Daerah Pasir Mas. Perbezaan baki tersebut bagi Kumpulan Wang Pinjaman Komputer berjumlah RM30,072 dan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan berjumlah RM48,519.

## **9. RUMUSAN AUDIT**

9.1. Secara keseluruhannya, sebanyak 18 penyata kewangan agensi telah diberi Pendapat Tanpa Teguran dan sebanyak empat (4) penyata kewangan masih belum disahkan setakat 15 Oktober 2019.

9.2. Kedudukan kewangan BBN bagi tahun 2018 berdasarkan sembilan (9) BBN dan satu (1) Majlis Agama Islam adalah memuaskan seperti berikut:

9.2.1. lebihan pendapatan terkumpul meningkat sejumlah RM24.35 juta atau 2.7% berbanding tahun 2017;

9.2.2. aset meningkat sejumlah RM128.42 juta atau 6.4%;

9.2.3. aset semasa bersih menurun sejumlah RM25.32 juta atau 15.1%;

9.2.4. lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa menurun sejumlah RM18.36 juta atau 45.3%;

9.2.5. jumlah liabiliti meningkat 6.2% daripada RM674.42 juta kepada RM716.15 juta; dan

9.2.6. sebanyak 14 anak syarikat BBN memperoleh keuntungan terkumpul berjumlah RM95.38 juta manakala 20 anak syarikat mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM77.10 juta.

9.3. Kedudukan kewangan PBT bagi tahun 2018 adalah berdasarkan prestasi 12 PBT seperti berikut:

9.3.1. lebihan tahun semasa meningkat menjadi RM37.09 juta atau 269.4% berbanding tahun 2017;

9.3.2. aset semasa bersih tahun semasa meningkat kepada RM49.41 juta atau 10.4%;

9.3.4. kutipan cukai meningkat daripada RM61.37 juta kepada RM63.83 juta atau peningkatan sebanyak 4%; dan

9.3.5. tunggakan cukai taksiran meningkat kepada RM47.62 juta atau 7.2% daripada RM44.43 juta.

9.4. Pematuhan terhadap *key audit areas* yang disemak terhadap penyata kewangan yang telah diaudit meliputi kriteria cukai taksiran, geran pembangunan, pinjaman dan pelaburan adalah memuaskan. Tiada penemuan yang secara individu/agregat adalah material dan pervasif yang memberi kesan kepada pengesahan penyata kewangan.

## **10. SYOR AUDIT**

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- 10.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengurus dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan;
- 10.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa; dan
- 10.3. agensi yang berprestasi rendah hendaklah mengambil tindakan proaktif dalam meningkatkan pendapatan melalui janaan sendiri dan mengamalkan perbelanjaan secara berhemat.



# BAHAGIAN IV

---

**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**



## **BAHAGIAN IV**

### **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

#### **1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN**

Mengikut Seksyen 16(2) Akta Tatacara Kewangan 1957, Laporan Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2017 Siri 1 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Kelantan telah dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 29 Oktober 2018. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2017 Siri 2 belum dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan.

#### **2. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**


Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kelantan (Jawatankuasa) telah bersidang sebanyak enam (6) kali bagi membincangkan Laporan Ketua Audit Negara bagi Tahun 2015 Siri 1 dan Siri 2 serta Tahun 2016 Siri 1 sehingga 31 Ogos 2019. Laporan Ketua Audit Negara bagi Tahun 2016 Siri 2 dan Tahun 2017 Siri 1 masih belum dibincangkan oleh Jawatankuasa. Jawatankuasa juga telah memanggil Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat yang berkaitan bagi mendapatkan penjelasan selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya Akauntabiliti Awam. Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesuarat untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara dan membuat lawatan ke tapak projek dan syarikat kerajaan negeri, mengkaji isu lama Laporan Ketua Audit Negara yang belum selesai dan memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh ketua jabatan/agensi/syarikat kerajaan negeri. Perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa sehingga 31 Ogos 2019 adalah seperti **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA**  
**WANG AWAM NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2019**

BIL.	BIL. MESUARAT/ TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
1.	2 Tahun 2018 8 Ogos 2018	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kelantan	Mesuarat Jawatankuasa
2.	3 Tahun 2018 21 Oktober 2018	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kelantan	Mesuarat Jawatankuasa

BIL.	BIL. MESYUARAT/ TARIKH	JABATAN/AGENSI	PERKARA
3.	4 Tahun 2018 21 November 2018	Jabatan Veterinar Negeri Kelantan	Lawatan Pemeriksaan Jawatankuasa Kira-Kira (PAC) Kerajaan Kelantan Ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
4.	5 Tahun 2018 2 Disember 2018	Air Kelantan Sdn. Bhd Majlis Perbandaran Kota Bharu Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan	Sesi Pendengaran Ahli Jawatankuasa PAC Negeri Kelantan bersama jabatan yang terlibat dengan teguran Laporan Ketua Audit Negara <ul style="list-style-type: none"> <li>– LKAN 2015 Siri 1</li> <li>– LKAN 2015 Siri 2</li> <li>– LKAN 2016 Siri 1</li> </ul>
5.	1 Tahun 2019 26 Jun 2019	Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Kelantan	Mesyuarat Jawatankuasa

Sumber: Jabatan Audit Negara



# PENUTUP

---



---

## PENUTUP

---

Pada umumnya, pencapaian penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan dan Penyata Kewangan Agensi Negeri adalah memuaskan berbanding tahun 2017. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada 31 Disember 2018 adalah stabil. Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan RMKe-11 (2016 hingga 2020) pada akhir tahun 2018 adalah memuaskan kerana peratus projek siap adalah 96.2%. Bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara seperti berikut:

- a. pegawai pengawal/ketua jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan bagi menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu;
- b. jabatan/agensi negeri perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya adalah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalam malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi; dan
- c. bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands on* dalam urusan tersebut.

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**21 Oktober 2019**



# LAMPIRAN

---



## LAMPIRAN I



### LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

#### Laporan Mengenai Penyata Kewangan

##### Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dasar dan kaedah perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 2 hingga 24.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

##### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

##### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Kelantan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Pendapat saya terhadap penyata kewangan Kerajaan Negeri Kelantan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Kelantan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Kelantan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Kerajaan Negeri Kelantan, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Kelantan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kerajaan Negeri Kelantan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Kelantan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Kelantan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Kelantan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kerajaan Negeri Kelantan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Kerajaan Negeri Kelantan memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Pegawai Kewangan Negeri, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Tatacara Kewangan 1957, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Kerajaan Negeri Kelantan telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

#### **Hal-hal Lain**

Laporan ini diangkat untuk perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)

KETUA AUDIT NEGARA

MALAYSIA

PUTRAJAYA

2 MEI 2019



## LAMPIRAN II

### PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan :

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Kelantan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2018.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2018.

DATO' AHMAD ROBERT BIN ABD RAHIM, D.P.S.K (*Kelantan*)  
Pegawai Kewangan Negeri Kelantan  
15 Januari 2019

ROSLAN BIN YAHYA  
Bendahari Negeri Kelantan  
15 Januari 2019

### LAMPIRAN III

#### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2018

		2018	2017
	<i>Nota</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>WANG AWAM</b>			
<b>WANG TUNAI</b>	3	68,215,076	58,745,552
<b>PELABURAN</b>	4	3,978,500	3,978,500
		<b>72,193,576</b>	<b>62,724,052</b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
<b>AKAUN HASIL DISATUKAN</b>	5	(676,314,476)	(716,769,764)
<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b>	6	5,000,000	24,510,703
<b>AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>	7	743,508,052	754,983,113
		<b>72,193,576</b>	<b>62,724,052</b>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

## LAMPIRAN IV

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	<i>Nota</i>	<i>2018</i>	<i>2017</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>TERIMAAN</b>			
<b>Hasil</b>			
Hasil Cukai	5	123,909,091	96,892,708
Hasil Bukan Cukai		348,656,669	329,707,894
Terimaan Bukan Hasil		<u>114,377,783</u>	<u>586,943,542</u>
		<u>114,377,783</u>	<u>154,727,466</u>
		<u>114,377,783</u>	<u>581,328,068</u>
<b>Pinjaman</b>			
Dalam Negeri	6	<u>19,143,479</u>	<u>19,143,479</u>
		<u>19,143,479</u>	<u>27,331,440</u>
		<u>19,143,479</u>	<u>27,331,440</u>
<b>Terimaan Modal</b>			
Pelbagai Terimaan Modal	7	50,815,515	43,597,000
Jualan Instrumen Kewangan		<u>0.00</u>	<u>50,815,515</u>
		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		<u>0.00</u>	<u>43,597,000</u>
<b>Terimaan Lain</b>			
Terimaan Amanah	3, 7	<u>79,365,732</u>	<u>79,365,732</u>
		<u>79,365,732</u>	<u>113,186,211</u>
		<u>79,365,732</u>	<u>113,186,211</u>
<b>Jumlah Terimaan</b>		<b><u>736,268,268</u></b>	<b><u>765,442,719</u></b>
		<b><u>736,268,268</u></b>	<b><u>765,442,719</u></b>

*Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)**  
bagi tahun berakhir 31 Disember 2018

	<u>2018</u>	<u>2017</u>			
	<i>Nota</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
<b>BAYARAN</b>					
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	5				
Emolumen		168,609,043		176,133,796	
Perkhidmatan dan Bekalan		116,377,759		111,678,806	
Aset		13,894,131		10,342,244	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap *		240,533,856		239,827,180	
Perbelanjaan Lain		<u>1,335,162</u>	<u>540,749,951</u>	<u>481,676</u>	<u>538,463,702</u>
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>	7				
